

ANALISIS ELEMEN SASTERA DALAM  
PEMENTASAN TEATER TERPILIH MELALUI  
PENERAPAN TEORI STRUKTURALISME

SITI NOOR ASYIKIN BINTI ISHAK

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ANALISIS ELEMEN SASTERA DALAM  
PEMENTASAN TEATER TERPILIH MELALUI  
PENERAPAN TEORI STRUKTURALISME

SITI NOOR ASYIKIN BINTI ISHAK

C18A0404

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FEBRUARI 2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

**TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan



Tandatangan

981219-01-6834

No. Kad Pengenalan

Tarikh : 18 FEBRUARI 2022

EN SUDIRMAN BIN KIFFLI

Nama Penyelia

Tarikh : 2 Mac 2022

SUDIRMAN KIFFLI  
Penyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta kurniaan nikmat, masa, nyawa, tenaga yang dianugerahkan kepada saya untuk menyiapkan tugas Projek Penyelidikan dengan jayanya. InsyaAllah, tugas Projek Penyelidikan ini akan memberikan banyak manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian dan di masa hadapan.

Saya, Siti Noor Asyikin binti Ishak ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah elektif Kesusasteraan Warisan kerana telah mendidik dan membantu saya sepanjang melaksanakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada supervisor saya iaitu Encik Sudirman bin Kiffli kerana telah memberikan tunjuk ajar, nasihat, dorongan, teguran dan pelbagai tips yang berguna untuk melengkapkan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang turut membantu untuk menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Tanpa sokongan dan dorongan daripada mereka tidak mungkin saya dapat menyiapkan kajian ini. Hal ini kerana kajian ini memerlukan motivasi, usaha dan buah fikiran yang kreatif. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana membantu berkongsi maklumat mengenai tugas penyelidikan ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung melengkapkan kajian ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi kalian.

Siti Noor Asyikin Binti Ishak

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

Kelantan

2022/1443H

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	i
ISI KANDUNGAN.....	ii
SENARAI GAMBAR.....	iv
SENARAI RAJAH.....	v
ABSTRAK.....	vi
ABSTRACT.....	vii
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.0 PENGENALAN.....	1
1.1 PENYATAAN MASALAH.....	3
1.2 OBJEKTIF KAJIAN.....	5
1.3 KEPENTINGAN KAJIAN.....	6
1.4 SKOP KAJIAN.....	7
1.5 ORGANISASI KAJIAN.....	8
1.6 PENUTUP.....	9
BAB 2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS.....	10
PENUTUP.....	17
BAB 3 DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN.....	18
3.1 REKA BENTUK KAJIAN.....	19
3.2 KAEDAH KAJIAN.....	20
3.2.1 Kaedah Kepustakaan.....	20
3.2.2 Teks atau Dokumen.....	20
3.2.3 Sumber Internet.....	21
3.2.4 Teori Strukturalisme.....	21
3.3 PENUTUP.....	24
BAB 4 ANALISIS KAJIAN.....	25
4.1 TEMA.....	26
4.1.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang.....	28
4.1.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok.....	30
4.1.3 Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah).....	32
4.2 WATAK DAN PERWATAKAN.....	35
4.2.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang.....	39
4.2.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok.....	41
4.2.3 Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah).....	44
4.3 LATAR.....	48
4.3.1 Latar Masa.....	51
4.3.1.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang.....	51

4.3.1.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok.....	51
4.3.1.3 Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah).....	51
4.3.2 Latar Tempat.....	53
4.3.2.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang.....	53
4.3.2.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok.....	53
4.3.2.3 Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah).....	56
4.4 SUDUT PANDANGAN.....	60
4.4.1 Sudut Pandangan Dalam.....	63
4.4.1.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang.....	63
4.4.1.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok.....	64
4.4.1.3 Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah).....	65
4.4.2 Sudut Pandangan Luaran.....	67
4.4.2.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang.....	67
4.4.2.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok.....	67
4.4.2.3 Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah).....	68
4.5 PENUTUP.....	70
BAB 5 KESIMPULAN.....	71
5.1 PENGENALAN.....	71
5.2 KESIMPULAN.....	71
5.3 CADANGAN.....	73
5.4 PENUTUP.....	76
BIBLIOGRAFI.....	77

## SENARAI GAMBAR


GAMBAR 1.....	29
GAMBAR 2.....	30
GAMBAR 3.....	31
GAMBAR 4.....	33
GAMBAR 5.....	39
GAMBAR 6.....	40
GAMBAR 7.....	41
GAMBAR 8.....	42
GAMBAR 9.....	43
GAMBAR 10.....	44
GAMBAR 11.....	45
GAMBAR 12.....	46
GAMBAR 13.....	47
GAMBAR 14.....	53
GAMBAR 15.....	54
GAMBAR 16.....	55
GAMBAR 17.....	55
GAMBAR 18.....	56
GAMBAR 19.....	56
GAMBAR 20.....	56
GAMBAR 21.....	57
GAMBAR 22.....	58
GAMBAR 23.....	58
GAMBAR 24.....	59
GAMBAR 25.....	59
GAMBAR 26.....	59
GAMBAR 27.....	64
GAMBAR 28.....	65
GAMBAR 29.....	66

**SENARAI RAJAH**


RAJAH 1.....60



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



# **ANALISIS ELEMEN SASTERA DALAM PEMENTASAN TEATER TERPILIH MELALUI PENERAPAN TEORI STRUKTURALISME**

## **ABSTRAK**

Penelitian terhadap intipati pementasan teater adalah berdasarkan elemen sastera yang ditonjolkan melalui pelakon yang membawa sesuatu watak tersebut. Berdasarkan pemerhatian pengkaji terdapat beberapa elemen sastera yang perlu diambil kira dalam sesebuah pementasan teater kerana akan mempengaruhi cerita yang akan disampaikan oleh pelakon. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat elemen sastera yang sering digunakan oleh pengarah dalam pementasan teater. Hal ini adalah kerana terdapat segelintir pengarah yang masih lagi tidak mengetahui cara untuk mengaplikasikan elemen sastera dalam pementasan teater yang dijalankan. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis elemen-elemen sastera yang perlu wujud dalam sesebuah pementasan teater serta mengenalpasti teori Strukturalisme yang boleh diterapkan dalam pementasan teater. Seterusnya kajian ini hanya membataskan kepada beberapa pementasan teater yang diambil kira iaitu Teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah), Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok dan Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang. Tambahan pula kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis segala data yang diperolehi. Bagi mengukuhkan kajian ini, pengkaji menerapkan teori Strukturalisme yang menitikberatkan beberapa perkara dalaman yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks. Dapatan kajian yang terdapat dalam pementasan teater terpilih sememangnya memberi kesan yang memberangsangkan untuk pengkaji menunjukkan kepentingan penggunaan elemen sastera dalam pementasan teater.

**Kata Kunci: teater, elemen sastera, Strukturalisme**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**ANALYSIS OF LITERATERIAL ELEMENTS IN SELECTED THEATERAL  
PERFORMANCES THROUGH THE APPLICATION OF STRUCTURALISM**

**THEORY**

**ABSTRACT**

*The study of the essence of theatrical staging is based on the literary elements that are highlighted through the actors who carry a character. Based on the researcher's observation, there are several literary elements that need to be taken into account in a theatrical performance because it will affect the story that will be presented by the actors. The purpose of this study was to look at the literary elements that are often used by directors in theatrical staging. This is because there are a handful of directors who still do not know how to apply literary elements in the theatrical staging that is carried out. The objective of this study is to analyze the literary elements that need to exist in a theatrical performance as well as to identify the theory of Structuralism that can be applied in theatrical performance. Furthermore, this study is limited to a few theater performances that are taken into account, namely the 'Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah)' theater, the 'Kampung Semarah Padi UMK Bachok' theater and the 'Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang' theater. Furthermore, this study was conducted using qualitative methods to analyze all the data obtained. To strengthen this study, the researcher applies the theory of Structuralism which emphasizes some internal things that form the framework or structure of a text. The findings of the study found in selected theater staging are indeed encouraging for the researcher to show the importance of the use of literary elements in theater staging.*

**Keywords: theater, literary elements, Structuralism**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 PENGENALAN

Sastera adalah karya seni kreatif di mana ia telah dihasilkan oleh manusia. Karya sastera mengandungi bahasa yang indah serta baik. Karya sastera juga adalah karya seni yang medium pengantaranya ialah bahasa. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2014: xiii) karya seni sastera banyak menggunakan bahasa yang teratur dan dari segi penulisannya sangat indah. Karya sastera ini juga telah memberi banyak faedah dan matlamat yang unggul kepada semua pembaca. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, teater ialah bangunan yang di dalamnya terdapat pentas iaitu tempat untuk mempersembahkan drama, muzik, hiburan dan sebagainya untuk ditonton oleh orang ramai. Menurut Balthazar Vallhagen, teater adalah seni drama yang melukiskan tentang sifat dan watak manusia melalui gerakan.

Umumnya teater merupakan tempat untuk persembahan kesenian dilakonan secara langsung di hadapan para penonton dengan menggunakan cara bertutur, gerak isyarat, muzik, tarian, bunyi dan sebagainya. Terdapat beberapa jenis persembahan teater iaitu opera, balet, pantomim dan wayang kulit. Menurut Rahmah Bujang di dalam buku Glosari Kesenian Melayu, teater adalah sebarang perlakuan kisah atau cerita dalam suatu kawasan yang ditentukan sebagai pentas untuk dilakonan dan mempunyai komponen aksi dan reaksi dari pelakon serta penonton.

Terdapat dua jenis teater iaitu teater moden dan teater tradisional. Teater moden memfokuskan kepada dunia pada hari ini. Isu-isu yang dipersembahkan kepada penonton lebih bersifat kontemporari. Penggunaan kesan-kesan khas, pakaian serta muzik latar adalah tidak terbatas dan lebih kepada keperluan skrip. Teater tradisional pula melibatkan tarian Mak Yong, tarian Mek Mulung serta persembahan wayang kulit. Hal ini kerana persembahan tersebut tidak mempunyai skrip dan dilakonan secara spontan. Persembahan tersebut lebih kepada

penceritaan tentang kisah dongeng semata dan hanya berdasarkan rujukan daripada masyarakat terdahulu.

Kajian ini juga dijalankan dengan menerapkan teori Strukturalisme dalam pementasan teater terpilih. Teori Strukturalisme dapat difahami sebagai teori yang menitikberatkan beberapa perkara dalaman yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks. Struktur sesebuah teks termasuklah tema, plot, perwatakan, bahasa, latar dan sudut pandangan. Struktur ini adalah yang sangat biasa bagi genre novel, cerpen dan drama. Bagi genre puisi pula terdapat unsur-unsur lain seperti rima, bentuk, nada dan rangkap. Kesimpulannya elemen sastera yang wujud di dalam pementasan teater perlulah mempunyai beberapa struktur yang dapat dikaitkan dengan teori Strukturalisme.

## 1.1 PENYATAAN MASALAH

Perbincangan tentang pementasan teater telah banyak dijalankan oleh penyelidik dari pelbagai universiti di Malaysia. Oleh itu terdapat beberapa penyelidik yang telah menganalisis tentang pementasan teater berdasarkan beberapa sudut pandangan. Antaranya ialah Teater Eksperimental Melayu: Satu Kajian Bentuk Dan Struktur Teks Dramatik oleh Fazilah Husin, Aplikasi Teknik Teater Kreatif Dalam Meningkatkan Kesedaran Kognitif Murid-Murid Berkeperluan Khas (MBK) oleh Lakshmi a/p Permal dan Mohd Kipli bin Abdul Rahman, Kewajaran Penggunaan Produksi Teater Dalam Pembelajaran Genre Drama Melalui Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif oleh Mohd Amir Mohd Zahari, Rohizano Yaakub, Azrul Azizi Amirul & Anida Sarudin dan akhir sekali Kaedah Teater Membaca Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Genre (Drama) oleh Mohd Amir Mohd Zahari, Azrul Azizi Amirul, Anida Sarudin & Fadzilah Amzah.

Selain itu teori Strukturalisme juga mempunyai beberapa pandangan daripada beberapa orang penyelidik. Antaranya ialah Analisis Faktor-Faktor Keluarga Yang Berhubungan Dengan Perilaku Agresif Pada Remaja Di Kota Malang (Dengan Pendekatan Teori Struktural Fungsional Keluarga) oleh Dian Pitaloka Priasmoro, Edi Widjajanto dan Lilik Supriati, Analisis Kritis Terhadap Anatomi Teori Strukturalisme Claude Levi-Strauss (Larangan Incest dalam Sistem Pernikahan dan Keekerabatan, serta Relevansinya dengan Pendidikan Islam) oleh Isa Anshori, Analisis Struktural Cerpen Mata Ahli Karya Kahlil Gibra oleh A.M. Miftah Anshori dan Zuhairoh, Pandangan Dunia Shahad al-Rawi Dalam Novel Sa'ah Baghdad Analisis Teori Strukturalisme Genetik oleh Dwi Purnomo, Pandangan Dunia Pengarang Dalam Kumpulan Puisi Blues Untuk Bonnie Karya Rendra (Kajian Strukturalisme Genetik) oleh Annisa Lastari, Kajian Teori Formalisme Dan Strukturalisme oleh Fadhliil Munawwar Manshur dan akhir sekali ialah Analisis Struktural Dan Nilai Moral Dalam Cerpen "Kembang Gunung Kapur" Karya Hasta Indriyana oleh Ratih Sapidiani, Imas Maesaroh, Pipin Pirmansyah dan Dida Firmansyah.

Hasil daripada kajian terdahulu didapati masih lagi terdapat kelompongan tentang analisis elemen sastera dalam pementasan teater terpilih melalui penerapan teori Strukturalisme. Kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan serta mengetahui elemen sastera yang perlu wujud dalam pementasan teater melalui teori Strukturalisme. Hal ini kerana terdapat segelintir pengarah teater yang mengabaikan elemen sastera yang perlu digunakan dalam menghasilkan suatu pementasan teater. Mereka mengambil mudah kerana tidak mengetahui betapa pentingnya elemen sastera dalam sesebuah pementasan teater walaupun ianya telah direkodkan.

## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk;

1. Mengenalpasti teori Strukturalisme yang boleh diterapkan dalam pementasan teater.
2. Menganalisis elemen-elemen sastera yang perlu wujud dalam sesebuah pementasan teater terpilih.





### 1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui elemen-elemen sastera yang perlu wujud dalam pementasan teater. Hal ini kerana terdapat segelintir pengarah yang masih lagi mengabaikan penggunaan elemen sastera dalam penghasilan sesebuah pementasan teater. Elemen sastera yang wujud dalam penghasilan pementasan teater akan menjadikan penonton mudah memahami mesej yang ingin disampaikan dan seterusnya membuatkan penonton lebih meminati pementasan teater. Pementasan teater yang mempunyai elemen sastera di dalamnya akan lebih jelas dari segi cara penyampaian para pelakon kepada penonton.

Seterusnya dengan wujudnya kajian ini akan memudahkan masyarakat mengetahui betapa pentingnya penggunaan elemen sastera dalam pementasan teater. Walaupun masyarakat memandang enteng terhadap penghasilan sesebuah pementasan teater tetapi sedikit sebanyak akan memberi kesedaran kepada mereka betapa pentingnya elemen ini dalam menghasilkan sesebuah pementasan teater. Masyarakat akan diberi pendedahan tentang elemen yang wujud di sebalik sebuah pementasan teater yang jelas mesejnya.

Pengkaji juga yakin bahawa kajian ini sedikit sebanyak akan membantu pengarah teater di luar sana dalam mengaplikasikan elemen sastera dalam pementasan teater. Sekiranya sebelum ini mereka hanya menghasilkan sebuah pementasan teater yang tidak jelas mesejnya tetapi selepas adanya kajian ini akan membantu mereka dalam menghasilkan sebuah teater yang mempunyai mesej yang jelas. Mesej yang ingin disampaikan kepada penonton perlulah jelas dan nyata supaya penonton dapat menghayati teater tersebut.



#### 1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian merupakan fokus utama kawasan yang pengkaji ingin menjalankan kajian. Kajian ini hanya tertumpu kepada beberapa elemen sastera seperti tema, watak dan perwatakan, latar serta sudut pandangan. Hal ini kerana masih lagi terdapat pengarah yang tidak menghiraukan tentang elemen sastera yang perlu wujud dalam pementasan teater. Sekiranya pengarah tidak mengambil serius tentang elemen ini maka penonton tidak akan mudah memahami mesej yang tersirat berdasarkan teater yang sedang ditonton. Pengkaji hanya memfokuskan kepada empat elemen ini sahaja kerana ianya merupakan elemen yang paling penting dalam penghasilan sebuah teater.

Seterusnya pengkaji hanya memfokuskan kepada pementasan teater yang telah direkodkan. Hal ini kerana keadaan pada hari ini yang tidak mengizinkan pengkaji untuk berjumpa dengan orang ramai serta keluar daripada negeri untuk pergi menonton sendiri pementasan teater. Kini pementasan teater yang telah direkodkan juga mudah dimuat turun melalui aplikasi 'Youtube' serta laman-laman web yang sah. Teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah) Universiti Malaysia Sarawak, Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok dan Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang merupakan pementasan teater yang difokuskan untuk dikaji.

## 1.5 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bermula daripada bab satu sehingga bab lima. Di dalam bab satu terkandung pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, organisasi kajian serta kesimpulan. Pada bab ini lebih menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji akan memberi kefahaman kepada pembaca menerusi setiap bahagian di dalam bab ini.

Seterusnya pada bab dua, memfokuskan kepada kajian-kajian terdahulu yang berkait dengan kajian yang ingin dijalankan. Pengkaji menggunakan dua data dalam kajian terdahulu iaitu pementasan teater dan teori Strukturalisme. Melalui kajian terdahulu ini pengkaji dapat mengaitkan lagi penggunaan teori Strukturalisme dengan elemen sastera. Sedikit sebanyak kajian terdahulu dapat membantu pengkaji menjalankan kajian tentang tajuk yang telah dipilih.

Bab tiga pula menerangkan tentang pendefinisian teori. Pada bab ini pengkaji akan menerangkan secara terperinci teori yang digunakan dalam kajian iaitu teori Strukturalisme. Teori Strukturalisme merupakan teori yang besar dan hampir mempengaruhi hampir sebahagian besar bidang ilmu. Teori ini terkenal di Perancis menerusi Claude Lévi-Strauss iaitu seorang ahli antropologi yang mengaplikasikan Strukturalisme Linguistik Saussure dalam kajiannya terhadap fenomena mitos, perhubungan kekeluargaan dan peraturan pemakanan (K.M. Newton, 1997: 83).

Di dalam bab empat pula pengkaji akan meletakkan analisis kajian. Pengkaji akan memberikan contoh-contoh petikan ketika kajian sedang dijalankan. Hal ini akan memudahkan pembaca untuk memahami mesej yang ingin disampaikan melalui kajian ini. Pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci berserta contoh-contoh yang berkaitan.

Bab lima pula akan membincangkan tentang rumusan hasil dapatan kajian ini. Pengkaji akan merumuskan keseluruhan bab dengan memberi ringkasan kajian serta cadangan yang dapat memberi manfaat kepada banyak pihak.

## 1.6 PENUTUP

Tidak dapat dinafikan bahawa masih lagi terdapat segelintir pengarah di Malaysia yang masih belum mengetahui bahawa pentingnya elemen sastera dalam penghasilan sesebuah pementasan teater. Elemen sastera merupakan salah satu elemen yang harus wujud dalam penghasilan sebuah pementasan teater kerana dengan adanya elemen ini akan menjadikan sebuah pementasan teater itu berjalan dengan lancar serta tidak berserabut. Terdapat beberapa elemen sastera yang perlu wujud dalam teater iaitu tema, watak dan perwatakan, latar serta sudut pandangan.

Teori Strukturalisme amat berkait rapat dengan elemen-elemen sastera yang digunakan dalam pementasan teater. Hal ini kerana teori Strukturalisme juga terdiri daripada elemen sastera seperti tema, plot, perwatakan, latar, persoalan serta mesej yang ingin disampaikan. Setiap satu aspek dengan satu aspek lain yang membentuk struktur dalam teks berfungsi dengan beberapa kaedah, iaitu perkaitan, transformasi, regulasi, hubungan secara keseluruhan, desentralisasi perkara serta pertentangan duaan.

Kesimpulannya, elemen sastera seharusnya wujud dalam penghasilan sebuah pementasan teater supaya penonton dapat memahami setiap mesej yang ingin disampaikan. Jalan cerita yang bagus juga dapat menarik minat penonton untuk lebih kerap menonton pementasan teater.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Pengkaji menyedari bahawa tiada lagi kajian tentang analisis elemen sastra dalam pementasan teater terpilih melalui penerapan teori Strukturalisme. Hal ini kerana kajian terdahulu hanya menggunakan elemen-elemen yang mudah untuk digunakan dalam pementasan teater. Oleh itu pengkaji ingin memfokuskan kepada beberapa kajian iaitu pementasan teater dan juga teori Strukturalisme.

Makalah yang ditulis oleh Fazilah Husin (2007) tentang "*Teater Eksperimental Melayu: Satu Kajian Bentuk Dan Struktur Teks Dramatik*". Tujuan analisis ini adalah untuk mengklasifikasikan ciri-ciri pelbagai komponen yang terdiri daripada struktur polar dan teks dramatik. Sebagai data utama, 44 buah teks yang diklasifikasikan sebagai drama eksperimen digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah yang berbeza telah digunakan oleh teks teater eksperimental Melayu yang dibuat dalam dua dekad yang lalu, termasuk penggunaan unsur-unsur seni persembahan orang Melayu, penggunaan konstruksi bahasa Melayu moden dan tradisional, dan unsur-unsur dari genre teater eksperimen. Berbanding dengan yang dibuat pada tahun 1970-an, nampaknya terdapat peningkatan penggunaan unsur-unsur seni persembahan Melayu dari teks yang diterbitkan pada tahun 1980-an dan 1990-an. Ini telah menghasilkan jenis eksperimen yang berbeza dalam teks eksperimen yang dibandingkan dengan teks eksperimen yang sedia ada, dan kajian ini merujuk kepada perlakuan sebagai eksperimentasi rakyat.

"*Aplikasi Teknik Teater Kreatif Dalam Meningkatkan Kesedaran Kognitif Murid-Murid Berkeperluan Khas (MBK)*" adalah makalah yang ditulis oleh Lakshmi a/p Permal dan Mohd Kipli bin Abdul Rahman (2020). Penyelidikan ini meneroka penggunaan teknik teater kreatif dalam meningkatkan keperluan khas kesedaran kognitif pelajar. Teater adalah satu bentuk komunikasi yang memberi setiap anak peluang melalui dimensi imaginatif aktiviti dan pengalaman, untuk meningkatkan

tahap komunikasi dan mendekati pengetahuan baru. Murid berkeperluan khas adalah mereka yang sukar belajar. Semua pendidik yang terlibat dalam usaha meningkatkan pencapaian dan perkembangan kognitif kanak-kanak kurang upaya mesti belajar dan memahami pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai agar mereka tidak ketinggalan dalam pendidikan semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan teori Taksonomi Bloom, yang merupakan pendekatan domain kognitif yang melibatkan pemahaman, pengetahuan dan aplikasi. Dengan menggunakan teknik teater, boneka yang merangkumi teknik bercerita dan improvisasi dinilai untuk perubahan dan peningkatan domain kognitif. Penambahbaikan biasanya timbul akibat daripada kesalahan atau kejadian yang tidak dirancang. Teknik penceritaan dianggap sebagai media komunikasi dan pembelajaran, penceritaan naratif sebagai pengajaran yang dirancang serta pembelajaran aktif dalam pedagogi. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah teater kreatif di kalangan pelajar kurang upaya dapat memupuk kesedaran kognitif. Kepentingan penyelidikan ini memberi pembaca penerangan terperinci mengenai pembinaan domain kognitif sambil mengubah corak kehidupan sosial pelajar dengan keperluan khas.

Kajian daripada Mohd Amir Mohd Zahari, Rohizano Yaakub, Azrul Azizi Amirul & Anida Sarudin (2020) tentang "*Kewajaran Penggunaan Produksi Teater Dalam Pembelajaran Genre Drama Melalui Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif*". Dalam artikel ini, produksi teater harus diterapkan dalam pembelajaran melalui topik genre drama Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Implikasi untuk menjayakan Produksi Teater bukan sahaja mempromosikan interaksi sosial dan tingkah laku koperatif, tetapi juga dapat melibatkan pelajar dalam mempelajari genre drama. Teater atau drama dalam pendidikan semakin dikenali di negara kita, terutamanya dalam konteks pendidikan dan penyertaan kokurikulum di sekolah. Bagaimanapun pendekatan untuk produksi teater dalam pengajaran drama masih belum diketahui dan pendekatan ini mesti dilaksanakan dan diterima oleh guru dan pelajar serta dapat diterapkan di sekolah melalui pembelajaran drama.

*“Kaedah Teater Membaca Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Genre (Drama)”* adalah makalah yang ditulis oleh Mohd Amir Mohd Zahari, Azrul Azizi Amirul, Anida Sarudin & Fadzilah Amzah (2019). Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan kaedah Teater Pembaca dan kesannya terhadap pengajaran dan pemudahcaraan bilik darjah serta mengkaji keberkesanan pengajaran melalui kaedah Teater Pembaca dan untuk mempromosikan drama. Data kajian yang digunakan berasal dari sebuah buku drama bertajuk Hemodialisis. Kajian kes Tingkatan Dua Agama 1 (2A1) dan Tingkatan Dua Agama 2 (2A2) disertakan dengan data lain di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato’ Syed Ahmad, Kuala Nerang, Kedah. Melalui pengajaran dan galakan senarai semak pemerhatian serta wawancara tidak berstruktur dan soal selidik, data penyelidikan kualitatif telah dianalisis. Hasil kajian menunjukkan bahawa bentuk Teater Pembaca lebih baik digunakan sebagai alat oleh guru sebagai alat bantu mengajar mereka. Penyelidikan lebih lanjut mengenai kaedah Teater Pembaca dalam pengajaran dan pembelajaran menunjukkan bahawa ianya dapat meningkatkan pemahaman buku drama berjudul Hemodialisis oleh pelajar. Secara tidak langsung, seperti yang dinyatakan dalam Teori Pendidikan Nasional, pendekatan Teater Pembaca memupuk pelajar yang berimajinasi dan inovatif.

Seterusnya makalah yang bertajuk *“Analisis Faktor-Faktor Keluarga Yang Berhubungan Dengan Perilaku Agresif Pada Remaja Di Kota Malang (Dengan Pendekatan Teori Struktural Fungsional Keluarga)”* ditulis oleh Dian Pitaloko Priasmoro, Edi Widjajanto dan Lilik Supriati (2016) menerangkan setiap identiti diri pada masa remaja mempunyai tugas pengembangan yang harus diselesaikan. Nilai keyakinan diri ditekankan dalam misi ini. Kegagalan menyelesaikan tugas boleh mencetuskan ketidakpastian peranan (kekeliruan peranan), yang boleh menyebabkan tingkah laku menyimpang seperti pencerobohan. Faktor orang, keluarga, sosiobudaya, dan persekitaran semuanya berinteraksi untuk menghasilkan tingkah laku ini. Pendekatan teori struktur fungsional keluarga mempertimbangkan



bagaimana peristiwa, peralihan, dan iklim dalam keluarga akan memberi manfaat kepada ahli keluarga. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat faktor keluarga (fungsi, bantuan, dan persekitaran keluarga) yang berkaitan dengan tingkah laku agresif. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan korelasi deskriptif dengan keratan rentas yang berbeza.

*“Analisis Kritis Terhadap Anatomi Teori Strukturalisme Claude Levi-Strauss (Larangan Incest dalam Sistem Pernikahan dan Kekerabatan, serta Relevansinya dengan Pendidikan Islam)”* oleh Isa Anshori (2019) menyatakan strukturalisme mementingkan model berdasarkan fakta empirik dan bukannya realiti empirikal itu sendiri. Semua budaya, termasuk masyarakat Islam, terikat dengan larangan sumbang mahram dalam sistem perkahwinan dan kekeluargaan. Islam juga melarang berkahwin dengan saudara yang sudah menjadi saudara sedarah iaitu mahram. Sekiranya sumbang mahram tidak dilarang, tidak akan ada pertukaran kumpulan, yang akan menyebabkan kurangnya komunikasi antara kumpulan dan pembentukan komuniti. Struktur kekeluargaan, undang-undang perkahwinan, dan keturunan membentuk kebersamaan yang bertujuan untuk memastikan kelangsungan jangka panjang kumpulan sosial dengan membawa hubungan bersama, khususnya perkahwinan sebagai jaringan bersama. Proses mewujudkan kumpulan sosial baru dengan mengahwini saudara-mara yang tidak sedarah, memungkinkan proses pendidikan yang lebih kaya dengan cita-cita, kepakaran, dan kemahiran, dan akhirnya membentuk masyarakat bertamadun yang baru dan berbilang etnik dengan hubungan yang kuat. Jenis masyarakat yang terbentuk melalui pendidikan Islam adalah masyarakat yang bertamadun dan mempunyai aqidah yang sama iaitu iman dan pengabdian hanya kepada Allah SWT.

Makalah yang ditulis oleh A.M. Miftah Anshori dan Zuhoairah (2019) adalah tentang *“Analisis Struktural Cerpen Mata Ahli Karya Kahlil Gibra”*. Kahlil Gibra menyatakan keprihatinannya terhadap negaranya dan negara-negara jiran akibat perang yang sedang berlangsung dan dia menulis sebuah cerpen yang bertajuk Mata

Ahli. Penulis akan menggunakan penyelidikan analisis struktur yang terdapat di cerpen ini. Tinjauan struktur ini memfokuskan kepada elemen teras cerpen. Teori struktur ini muncul sejak zaman Yunani kuno lagi iaitu ketika Aristoteles memperkenalkan konsep keutuhan, unit, kompleks, dan koheren. Penulis makalah ini menumpukan perhatian kepada analisis tema, fakta cerita, sarana cerita dan hubungan antara unsur. Hal ini kerana untuk menggunakan analisis struktur ketika menganalisis cerpen ini, kita akan menemui definisi baru untuk salah satu karya Kahlil Gibra.

*“Pandangan Dunia Shahad al-Rawi Dalam Novel Sa’ah Baghdad Analisis Teori Strukturalisme Genetik”* oleh Dwi Purnomo (2020) menjelaskan bahawa penyelidikan ini bertujuan untuk menjelaskan kajian novel Sa’ah Baghdad, keadaan sosial masyarakat Baghdad, dan pandangan dunia pengarang yang terdapat dalam novel Baghdad Shahad al-Sa’ah Rawi. Penyelidikan ini mengambil pendekatan sosiologi. Luke Leafgren menerjemahkan novel itu ke dalam bahasa Inggeris, yang diedarkan oleh Oneworld Publications pada tahun 2018, dan juga dalam bahasa Indonesia oleh Group Media Prenada. Dalam kajian ini, instrumen itu adalah manusia. Teknik membaca dan mencatat digunakan untuk mengumpulkan data. Kaedah dialektik digunakan untuk menilai data. Hasil kajian menunjukkan bahawa aliran dalam Shahad al-novel Rawi's Sa’ah Baghdad adalah maju dan mundur. Terdapat beberapa watak dalam buku ini termasuk watak utama yang merupakan perawi yang tidak dikenali iaitu Nadia, Baydaa, Uncle Shawkat, Ahmad, Faruq, Marwa, dan lain-lain. Konteks waktu yang digunakan adalah waktu, musim, dan bulan biasa, sedangkan latar belakang tempat yang digunakan adalah berbagai lokasi di Baghdad. Situasi sosial penduduk Baghdad yang dibangkitkan dalam novel ini adalah keadaan sosial penduduk Baghdad yang mengalami embargo akibat perang dengan Amerika Syarikat, dan juga Pandangan Dunia. Penulis dalam novel ini adalah individu yang mempunyai semangat nasionalisme yang kuat untuk memperjuangkan kepentingan



dirinya dan masyarakatnya. Dia dan pihaknya akan terus memberi inspirasi kepada pemuda Iraq kerana mereka adalah kunci untuk mengubah negara menjadi lebih baik.

Seterusnya kajian daripada Annisa Lastari (2017) adalah tentang "*Pandangan Dunia Pengarang Dalam Kumpulan Puisi Blues Untuk Bonnie Karya Rendra (Kajian Strukturalisme Genetik)*". Dengan menggunakan teori strukturalisme genetik Goldmann, kajian ini bertujuan untuk mengungkap pandangan dunia pengarang dalam siri puisi Rendra. Ini adalah alat analisis kualitatif deskriptif. Pandangan dunia pengarang terungkap dalam tiga puisi: Kupanggil Namamu, Blues untuk Bonnie, Kesaksian Tahun 1967, Pemandangan Senjakala, Bersatulah Pelacur-Pelacur Kota Jakarta dan Pesan Pencopet kepada Pacarnya, lima puisi yang berisi pelanggaran manusia terhadap nilai dan budaya etika: Kepada M.G, Nyanyian Duniawi, Nyanyian Suto untuk Fatima dan Nyanyian Fatima untuk Suto, Rick dari Corona; dan dua puisi yang mengandungi kritikan kepada institusi keagamaan: Nyanyian Angsa dan Khotbah.

"*Kajian Teori Formalisme Dan Strukturalisme*" oleh Fadhil Munawwar Manshur (2019) menyatakan dari sudut teori strukturalisme, tujuan penyelidikan ini adalah untuk menunjukkan bahawa strukturalisme adalah kesinambungan falsafah formalisme, yang sangat bergantung pada bahasa. Teori linguistik dan strukturalisme mempunyai hubungan yang erat, terutama dalam hal menganalisis fungsi bahasa yang digunakan. Kajian fungsi bahasa akan membantu pemahaman semiotik bahasa, yang menganggap sastera sebagai simbol, yang membawa kepada semiotik sastera. Akibatnya, idea strukturalisme semiotik muncul sebagai kenyataan sosial, berfungsi untuk menyelidiki suatu fenomena. Oleh kerana teori formalisme dan teori strukturalisme adalah sebahagian daripada pembinaan sosial dan sebahagian daripada pembentukan diskursif dalam pembentukan subjek dan fakta, pendekatan kritis dianggap sesuai untuk digunakan dalam penyelidikan ini. Akibatnya, peranan teori formalisme dan strukturalisme dalam analisis sastera, yang bahan mentahnya adalah bahasa dapat dilihat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa teori formalisme

bersifat dinamik dalam penciptaannya dan bahawa pembinaan bahasanya mendorong pembaca untuk bertindak balas.

Akhir sekali kajian yang bertajuk "*Analisis Struktural Dan Nilai Moral Dalam Cerpen 'Kembang Gunung Kapur' Karya Hasta Indriyana*" oleh Ratih Sapdiani, Imas Maesaroh, Pipin Pirmansyah dan Dida Firmansyah (2018). Kajian ini bertujuan untuk menggunakan kaedah analisis struktur untuk menggambarkan Intersains elemen intrinsik cerpen "Kembang Gunung Kapur" karya Hasta Indriyana dan untuk menerangkan nilai-nilai moral yang terdapat di dalam cerpen, baik kritik moral dan sosial agama. Cerpen "Kembang Gunung Kapur" menggunakan langkah-langkah pengumpulan data seperti membaca cerpen "Kembang Gunung Kapur" dengan teliti, menganalisis kredibiliti unsur-unsur intrinsik cerpen dan menerangkannya, serta menganalisis unsur-unsur moral yang dikehendaki oleh pengarang untuk menyatakan cerita pendek dan menerangkannya. Mengikuti fasa kajian analisis struktur dan nilai moral, Hasta Indriyana berusaha untuk menggabungkan unsur-unsur cerita pendek intrinsik, sehingga mesej nilai moral yang terdapat di cerpen sampai kepada pembaca.

## PENUTUP

Melalui sorotan kajian terdahulu, pengkaji tidak lagi menjumpai kajian tentang analisis elemen sastera dalam pementasan teater terpilih melalui penerapan teori Strukturalisme. Kajian-kajian terdahulu hanya berkait rapat dengan cara pementasan teater dijalankan kerana masih ramai yang tidak mengetahui dengan lebih terperinci bagaimana pementasan teater itu dijalankan. Banyak perkara yang perlu diambil tahu oleh masyarakat sekeliling sekiranya ingin membuat sesuatu pementasan teater. Selain itu teori Strukturalisme juga tidak banyak digunakan dalam kajian terdahulu. Hal ini kerana teori ini hanya memfokuskan kepada struktur sesuatu analisis itu sahaja. Oleh itu kajian ini dilaksanakan adalah kerana pengkaji ingin memperkenalkan struktur yang perlu ada dalam pembikinan pementasan teater.

Selain itu kajian ini merupakan kajian yang sangat menarik untuk dijalankan kerana sedikit sebanyak pengkaji dapat memperkenalkan kepada dunia luar betapa pentingnya penggunaan elemen sastera dalam pembikinan pementasan teater. Menerusi kajian ini teori Strukturalisme dapat diterapkan bagi menunjukkan elemen sastera merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam teori ini.

### BAB 3

#### DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN

Metodologi merupakan satu set garis panduan yang bertujuan untuk menggambarkan masalah. Dalam kata lain metodologi adalah satu bahagian penyelidikan saintifik yang bermula dari hipotesis sebagai penjelasan tentang masalah dan cuba untuk mencari undang-undang yang menerangkannya. Oleh itu, saintis mestilah mengikuti kaedah penyelidikan dan kajian kaedah adalah apa yang dikenali sebagai metodologi. Metodologi kajian merangkumi kaedah, cara dan pendekatan yang dijalankan supaya lebih bersistematik serta perjalanan kajian lebih efektif dalam mencapai objektif kajian.

Di dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan kaedah kajian yang digunakan berdasarkan kesesuaian. Oleh kerana kajian ini tidak memerlukan kajian lapangan maka pengkaji membuat keputusan untuk menggunakan kaedah kualitatif iaitu suatu kajian penyelidikan di mana pengkaji bergantung kepada pandangan masyarakat, mengumpul data dalam bentuk perkataan ataupun teks, menganalisis sesuatu perkataan tersebut dalam bentuk yang subjektif. Proses pengumpulan data berdasarkan Cresswell (1998) iaitu mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses, mengumpul data, merekod maklumat, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan kedah yang digunakan oleh pengkaji sepanjang melaksanakan kajian ini. Secara umumnya terdapat beberapa jenis reka bentuk kajian iaitu reka bentuk kualitatif, kuantitatif dan gabungan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif yang dikenali sebagai 'mixed method'. Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian merupakan kerangka yang digunakan dalam sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data. Bagi Robson (2011) pula, reka bentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan, teori, persoalan kajian, metod dan strategi persampelan.

Bagi kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu melibatkan kaedah kepustakaan, rujukan teks atau dokumen yang terlibat, sumber internet serta teori yang akan digunakan iaitu teori Strukturalisme. Pengkaji menggunakan kaedah ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang bertepatan sesuai dengan kajian yang sedang dijalankan. Menurut Denzin dan Lincoln (1994) penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara berfokus, termasuk dengan menggunakan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek. Cresswell (1994) pula mentakrifkan bahawa penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 3.2 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan data di dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Hal ini kerana kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus cara kajian hendak dijalankan pada awal kajian (Trochim, 2006). Kajian kualitatif adalah reka bentuk kajian yang dianggap masih lagi baharu. Walaupun istilah 'kajian kualitatif' didakwa jarang ditemui pada awal tahun 2000 (Wolcott 2009), namun Robson (2011) mendapati kajian mengguna pendekatan kualitatif dikesan mula mendapat tempat dan digemari oleh para pengkaji sejak awal tahun 1990-an lagi. Kajian kualitatif biasanya mengguna persoalan seperti, bagaimana, apa, dan mengapa. Kajian kualitatif menurut Bryman (2008) adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Antara kelemahan kajian kualitatif adalah berkaitan dengan piawaian yang rendah kerana ketiadaan kriteria kualiti yang boleh dinilai (Hammersley 2007).

### 3.2.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merujuk kepada bahan-bahan bertulis seperti jurnal, artikel dan hasil kajian bertulis. Pengkaji telah mengumpul segala informasi dan maklumat yang berkaitan daripada perpustakaan awam seperti perpustakaan Sultan Ismail Johor serta perpustakaan awam Johor cawangan Muar. Dengan menggunakan kaedah ini akan dapat meyakinkan pengkaji tentang kesahihan maklumat yang telah diambil. Oleh itu, pengkaji berjaya memperoleh maklumat-maklumat yang berkait rapat dengan kajian yang sedang dijalankan dan sekaligus pengkaji dapat menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada.

### 3.2.2 Teks Atau Dokumen

Kaedah teks atau dokumen dilakukan dengan membuat pembacaan yang teliti iaitu dengan membaca teks-teks yang diguna pakai diikuti dengan pemilihan

elemen sastera yang bersesuaian untuk digunakan dalam pementasan teater. Di dalam konteks ini rujukan teks merupakan suatu proses yang dilakukan untuk mengenal pasti sebanyak mungkin elemen sastera yang digunakan dalam pementasan teater terpilih tersebut. Pengkaji menggunakan tiga jenis pementasan teater sebagai rujukan bagi menyelesaikan objektif kajian. Antara pementasan teater tersebut adalah Teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah), Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok dan Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang.

### **3.2.3 Sumber Internet**

Akhir sekali pengkaji telah menggunakan kaedah internet untuk menambahkan bahan rujukan bagi melengkapkan kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi memudahkan lagi carian serta dapat menjimatkan masa. Menerusi kaedah ini juga pengkaji mendapati bahawa banyak laman web yang membuat kajian mengenai teater selain daripada penggunaan teori Strukturalisme.

### **3.2.4 Teori Strukturalisme**

Teori Strukturalisme merupakan sebuah teori yang besar yang mempengaruhi hampir sebahagian besar bidang ilmu. Teori Strukturalisme mula muncul dan terkenal di Perancis menerusi Claude Lévi-Strauss iaitu seorang ahli antropologi yang mengaplikasikan Strukturalisme Linguistik Saussure dalam kajiannya terhadap fenomena mitos, perhubungan kekeluargaan dan peraturan pemakanan (K.M. Newton,1997: 83). Aspek penceritaan dan pensejarahan mitos tidak penting, tetapi yang lebih pentingnya ialah susur galur hubungan yang membentuk mitos itulah yang lebih dipentingkan.

Teori Strukturalisme berkembang luas pada tahun 1960-an sebagai suatu usaha untuk menerapkan kaedah dan wawasan Ferdinand de Saussure, pengasas linguistik moden kepada kesusasteraan (Terry Eagleton,1983:106) dan merupakan



satu teori yang sangat berpengaruh bagi menggantikan pandangan positif atau kaedah analisis yang berasaskan empirikal (K.M.Newton,1997: 83). Saussure merupakan seorang ahli falsafah Swiss, percaya bahawa bahasa mempunyai struktur dalamannya yang tersendiri dan mempunyai peraturan-peraturan yang sistematik (Bressler Charles E, 1999:89). Peraturan-peraturan ini menguasai dan menggerakkan semua aspek bagi bahasa termasuk bunyi-bunyi yang dikenalpasti sangat bermakna, berbagai kombinasi bunyi yang membentuk perkataan dan bagaimana perkataan dikendalikan untuk menghasilkan hubungan yang bermakna dalam bahasa yang disediakan.

Secara umumnya, teori Strukturalisme merupakan suatu percubaan untuk menerapkan teori linguistik kepada objek-objek dan kegiatan-kegiatan lain, selain bahasa itu sendiri. Saussure membezakan antara *langue* dan *parole*. *Langue* ialah aspek sosial bahasa, manakala *parole* ialah realiti pengguna bahasa sebenar. Pemisahan dua istilah ini menjadi asas penting kepada semua teori Strukturalisme yang terkemudian (Raman Selden & Peter Widdowson,1997: 67, Bressler Charles.E.2000: 92).

Berdasarkan pada pernyataan ini, maka teori Strukturalisme dapat difahami sebagai teori yang menitikberatkan perkara-perkara dalaman yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks. Struktur sesebuah teks termasuklah tema, plot, perwatakan, bahasa, latar dan sudut pandangan (Mana Sikana,1983: 82-83). Struktur ini adalah yang sangat biasa bagi genre novel, cerpen dan drama. Bagi genre puisi terdapat unsur-unsur lain seperti rima, bentuk, nada dan rangkap.

Teori Strukturalisme tidak memberi perhatian pada pengarang atau apa-apa juga aspek lain di luar teks. Makna teks sepenuhnya terletak pada keseluruhan sistem dan struktur teks itu sendiri. Oleh kerana itu, pembaca tidak terpengaruh dengan aspek-aspek kontekstual dalam mencari dan merumuskan makna dalam teks, termasuk pengarang teks itu sendiri.



Pengarang merupakan individu yang tidak penting dalam Strukturalisme. Pengarang bukanlah pusat yang menerbitkan makna teks. Oleh kerana itu, Strukturalisme dikatakan telah menggunakan konsep `kematian pengarang` (the death of the author), sebagaimana yang diutarakan oleh Roland Barthes. Dengan konsep kematian pengarang, bermakna tumpuan Strukturalisme hanya kepada aspek-aspek bentuk dan struktur dalaman yang saling berhubung di antara satu sama lain. Hubungan dan perkaitan aspek-aspek struktur inilah yang menentukan makna, keindahan dan keistimewaan teks.

Berbeza dengan teori Formalisme yang memberi tumpuan hanya kepada satu-satu aspek sahaja, tanpa perlu dikaitkan dengan aspek-aspek bentuk yang lain yang terdapat dalam keseluruhan struktur teks. Oleh kerana itu, dalam memperincikan perbincangan untuk mencari makna teks, maka ia perlu menjalani proses memperkaitkan satu aspek dengan aspek lain, melihat transformasi isi yang menerbitkan isi atau makna yang lain secara sinkronik dalam satu keseluruhan hubungan. Inilah yang menjadi prinsip Strukturalisme dalam memahami makna teks kesusasteraan.

### 3.3 PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian ini dapat dijalankan mengikuti kaedah-kaedah yang dinyatakan untuk mendapatkan hasil yang lengkap dan mantap. Kaedah kajian yang sistematik dan jelas sangat penting dalam menjalankan sesebuah kajian kerana kualiti sesebuah kajian sangat bergantung kepada ketepatan dalam pemilihan kaedah kajian. Dapatan bagi sesebuah kajian juga sangat dipengaruhi oleh kaedah kajian yang digunakan sama ada bersesuaian atau tidak dengan objektif serta persoalan yang telah ditetapkan dalam sesebuah kajian. Metodologi ini ditentukan setelah semua aspek berkaitan kajian telah diteliti. Data kajian juga boleh diperolehi dan dianalisis selepas kaedah ini dipilih. Justeru itu, data yang dikumpul dan dikaji dalam kajian ini akan menghasilkan sebuah dapatan berkenaan elemen sastera dalam pementasan teater terpilih melalui penerapan teori Strukturalisme. Setelah data dikumpul dan diperolehi, ia kemudiannya akan dianalisis pada bab yang seterusnya iaitu bab analisis dan dapatan kajian.

## BAB 4

### ANALISIS KAJIAN

Dalam bab ini pengkaji membincangkan teori Strukturalisme menerusi tema, watak dan perwatakan, latar serta sudut pandangan melalui persembahan teater yang terpilih. Teori Strukturalisme dapat difahami sebagai teori yang menitikberatkan perkara-perkara dalaman yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks. Menurut Mana Sikana (1983: 82-83) struktur sesebuah teks termasuklah tema, plot, perwatakan, bahasa, latar serta sudut pandangan. Struktur ini adalah yang sangat biasa bagi genre novel, cerpen dan drama. Bagi genre puisi terdapat unsur-unsur lain seperti rima, bentuk, nada dan rangkap.

Pengkaji telah memilih beberapa persembahan teater yang sesuai digunakan untuk kajian ini iaitu Teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah) Universiti Malaysia Sarawak, Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok serta Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang. Ketiga-tiga persembahan teater ini akan diaplikasikan dengan menggunakan teori Strukturalisme untuk disesuaikan dengan objektif-objektif yang telah disenaraikan sebelum ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.1 TEMA

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat tema adalah subjek yang menjadi dasar kepada sesuatu pembicaraan, wacana, karangan mahupun sebuah cerita. Tema bagi sesuatu karya sastera boleh jadi sebagai sesuatu yang tidak dinyatakan secara jelas. Hal ini adalah kerana pengkarya ingin membuatkan pembaca tertanya-tanya dan seterusnya mereka akan lebih tertarik dengan jalan cerita sesuatu karya tersebut. Menurut Harun Mat Piah (2003: 90) tema merujuk kepada pusat persoalan yang berhubung kait dengan mesej ataupun amanat yang ingin disampaikan. Bagi Siti Aishah Mat Ali (1991: 95) pula tema merujuk kepada idea utama dalam sesebuah cerita. Jika dilihat dari suatu sudut maksud idea utama dan pusat persoalan adalah hampir sama. Hal ini adalah kerana tema dan persoalan merupakan salah satu elemen sastera yang berkait dalam sesuatu karya kerana kedua-duanya menyampaikan maksud yang lebih kurang sama. Sebagai contoh sekiranya tema bagi suatu karya itu adalah kekeluargaan maka persoalan yang boleh dikeluarkan adalah berdasarkan sifat kekeluargaan itu juga.

Shipley telah membezakan tema melalui lima jenis iaitu tema jasmaniah, tema sosial, tema ketuhanan, tema organik dan yang terakhir adalah tema egoik. Tema jasmaniah adalah tema yang berhubungkait atau memfokuskan kepada permasalahan keadaan fizikal manusia. Model tema ini biasanya berkaitan dengan beberapa hal yang ada pada tubuh manusia seperti molekul, jasad, perasaan, tubuh dan zat. Beberapa contoh lain tema jasmaniah adalah berkaitan dengan hati iaitu perasaan cinta. Tema jasmaniah juga sesuai digunakan dalam karya yang berkaitan dengan perasaan serta emosi penonton supaya dapat menarik minat penonton untuk mendalami sesuatu karya tersebut. Seterusnya adalah tema sosial yang selalunya berkait rapat dengan pelbagai hal yang berbaur dengan urusan sosial. Dalam tema ini pengarang cerita biasanya menjelaskan berbagai macam hal yang berkaitan dengan urusan kehidupan seharian masyarakat, interaksi manusia dalam lingkungan sekitarnya, permasalahan sosial dan pelbagai macam tema lagi. Tema ini juga

sesuai digunakan dalam karya yang menceritakan tentang hal-hal kehidupan manusia seperti novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad. Hal ini adalah kerana di dalam karya tersebut pengarang menceritakan kehidupan seharian sebagai sebuah keluarga petani sawah yang serba kekurangan. Pengarang juga membawa pembaca untuk menghayati dan menginsafi keperitan dan kesengsaraan hidup dalam kemiskinan golongan petani pada masa dahulu agar generasi sekarang sedar dan insaf sebagaimana perih dan susahnyanya untuk mendapatkan sesuap nasi bagi meneruskan kesinambungan hidup.

Seterusnya adalah tema ketuhanan. Tema ketuhanan adalah tema yang berkait erat dengan kekuasaan Tuhan yang tampak dalam setiap aktiviti manusia. Model tema ini biasanya ditonjolkan oleh pengarang dengan menunjukkan berbagai-bagai hal ajaib yang berada di luar akal manusia seperti kejadian kiamat, keajaiban penyembuhan penyakit dan pelbagai jenis tema lainnya. Tema ini dapat dilihat melalui novel *Alkudus* iaitu di mana firman-firman Tuhan yang menceritakan tentang riwayat serta cara kehidupan umat-umat terdahulu dalam agama Kaib. Selain dari itu novel ini juga menjelaskan tentang aturan dan hukum dari Tuhan yang sepatutnya dipatuhi oleh setiap umat agama Kaib. Novel *Alkudus* terdiri daripada 24 bab dan setiap bab menceritakan tentang nabi-nabi yang diutus oleh Tuhan kepada umatnya yang berbeza-beza. Selain itu terdapat juga tema organik iaitu tema yang merangkumi pelbagai macam hal yang berhubungkait dengan moral manusia seperti hubungan antara lelaki dengan wanita, menyampaikan nasihat serta berbagai-bagai lagi. Tema ini selalunya muncul dalam karya yang menyentuh tentang hubungan moral antara lelaki dan wanita. Contohnya sekiranya di dalam karya tersebut terdapat hubungan yang tidak elok antara lelaki dan wanita maka tema organik sesuai digunakan bagi mengkritik hubungan tersebut dan seterusnya dapat memberi nasihat kepada penonton atau pembaca.

Akhir sekali adalah tema egoik. Tema egoik adalah tema yang berkait rapat dengan sifat ego manusia. Dalam tema ini pengarang biasanya menonjolkan tema

dalam pelbagai macam bentuk cerita seperti keserakahan atau ketamakan manusia. Tema ini biasanya dilihat dalam karya yang mempunyai watak yang ingin berebut kuasa ataupun harta. Sebagai contoh di dalam drama *Hasrat Tersirat* oleh Nasir Kamsan, Shannon Berkett dan Azroy Sultan menceritakan tentang sebuah keluarga kaya raya di mana harta arwah bapanya sudah diberi kepada setiap ahli keluarganya tetapi keluarganya telah berpecah belah. Hal ini telah menyulitkan keadaan kerana pembahagian harta pusaka tidak dipersetujui oleh banyak pihak. Mereka telah berebut harta kerana terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan harta yang telah diwasiatkan oleh bapanya.

Tema boleh berubah mengikut jenis karya itu sendiri. Hal ini adalah kerana setiap karya itu mempunyai teguran yang tersendiri dan menjadikan sesebuah karya itu menjadi menarik untuk ditonton atau dibaca. Melalui tema ini juga penonton atau pembaca dapat mengenalpasti konsep keseluruhan cerita dan seterusnya menarik minat mereka untuk menonton atau membaca karya tersebut. Sekiranya penonton atau pembaca tidak mengetahui tema yang ingin pengkarya sampaikan maka agak sukar untuk mereka menyimpulkan keseluruhan sesuatu karya itu.

#### **4.1.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang**

Menerusi teater *Di Puncak Tertinggi Gunung Ledang* tema percintaan dapat dilihat melalui watak Puteri Gunung Ledang dengan Hang Tuah. Mereka merupakan sepasang kekasih yang sedang asyik bercinta walaupun hubungan mereka dilarang oleh Sultan Mahmud Syah iaitu sultan Melaka kerana Puteri Gunung Ledang merupakan seorang bunian dan Hang Tuah pula seorang manusia. Walaupun hubungan mereka dilarang oleh Sultan Mahmud Syah tetapi kisah percintaan mereka tidak berhenti di situ sahaja. Hang Tuah sanggup dibuang negeri hanya kerana ingin mempertahankan hubungannya dengan Puteri Gunung Ledang iaitu wanita yang beliau sangat cintai. Hal ini dapat dilihat melalui teater *Di Puncak Tertinggi Puteri*

Gunung Ledang pada minit ke 2:02 iaitu Hang Tuah meluahkan perasaannya bahawa beliau bersumpah akan sehidup semati bersama dengan Puteri Gunung Ledang;



**Gambar 1:** Babak teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang

***Puteri Gunung Ledang & Hang Tuah:*** Pertemuan ini apakah berakhir di syurga?

***Puteri Gunung Ledang:*** Kanda berjanjikan kanda bahawa kita akan kembali bersama? Mengabdikan jiwa kita kepada cinta yang telah sama sama kita rasakan? Bersumpahkah kanda?

***Hang Tuah:*** Kanda bersumpah dindalah pengakhir kanda!

***Puteri Gunung Ledang:*** Adinda juga bersumpah jikalau kekanda tidak kembali adinda akan menyusul kekanda menginjak pada tanah yang sama, bernafas pada udara yang sama, mengabdikan jiwa dinda bersama kanda di Gunung Ledang!

**(Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang, 2020)**

Berdasarkan dialog di atas dapat disimpulkan bahawa mereka juga berjanji akan mengabdikan jiwa bersama-sama selamanya dan berharap bahawa pertemuan tersebut akan berakhir di syurga. Kisah percintaan mereka sangatlah mengasyikkan kerana tidak ada sesiapa yang mampu menghalang perasaan mereka. Selain itu mereka juga meluahkan perasaan sesama sendiri bahawa mereka tidak akan melupakan dan akan terus merindui antara satu sama lain. Hal ini membuatkan kisah



percintaan mereka terlalu mengasyikkan sehingga masyarakat mengaplikasikannya di dalam kehidupan seharian supaya tidak melupakan pasangan sendiri.

#### 4.1.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok

Tema seterusnya adalah tentang kekeluargaan yang terlihat di dalam teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok. Tema kekeluargaan sesuai dengan teater Kampung Semarah Padi kerana penduduk di Kampung Semarah Padi merupakan penduduk yang sentiasa bersama-sama mengharungi rintangan walaupun setelah disumpah untuk menjadi seorang pemaah selama tujuh keturunan oleh seorang wanita bernama Musalmah. Mereka disumpah kerana menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Musalmah yang dikatakan telah memakan buah cempedak milik Penghulu Siak. Setiap hari mereka mencari penawar agar sumpahan mereka berakhir sehinggalah pada suatu hari seorang pemuda telah hanyut sehingga sampai ke kampung mereka. Pemuda tersebut ingin membuka sekolah untuk penduduk kampung belajar untuk menahan marah. Hal ini dapat dilihat pada minit ke 24:12 yang menunjukkan bahawa pemuda bernama Kassim telah menyampaikan hasratnya untuk membuka sekolah supaya penduduk Kampung Semarah Padi dapat menahan daripada sikap amarah;



**Gambar 2:** Babak Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok



**Kassim:** *Saya ingat nak buka sekolah tok*

**Penghulu Siak:** *Apa?! Buka sekolah?! Satu kampung marah-marah kau nak buka sekolah?! Kau ni bengap ke apa?!*

**Kassim:** *Saya nak buka sekolah tahan marah tok. Jadi semua orang kampung boleh datang belajar cara mengawal kemarahan. Percuma je tok.*

**Penghulu Siak:** *Sekolah tahan marah?! Memang sah kau ni bengap! Mana ada orang buka sekolah marah. Orang buka sekolah untuk belajar, jadi pandai. Hey makin mengarut kau ni!*

**Mak Tanjung:** *Hey bang! Biar budak ni nak cuba. Mana tahu jadi!*

**Penghulu Siak:** *Ha yelah yelah nak cuba! Nak cuba sangat kan?! Ha cuba.*

**(Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok, 2020)**

Dapat dilihat bahawa Mak Tanjung masih lagi ingin mencuba untuk menghilangkan sumpahan yang telah kampung mereka alami sejak 20 tahun yang lalu. Walaupun Penghulu Siak kelihatan tidak bersetuju namun penduduk Kampung Semarah Padi tetap ingin menghadiri sekolah tersebut. Hal ini jelas terlihat pada minit ke 27:36 iaitu penduduk Kampung Semarah Padi menghadiri kelas tersebut tanpa dipaksa oleh sesiapa pun kerana mereka ingin menghilangkan sumpahan yang mereka alami;



**Gambar 3:** Babak Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok

Di dalam sekolah tersebut penduduk Kampung Semarah Padi telah mempelajari beberapa teknik untuk menahan marah. Walaupun mereka tidak ingin melakukan teknik menahan marah tersebut tetapi disebabkan ingin menghilangkan sumpahan marah tersebut mereka tetap juga melakukan teknik tersebut. Sikap kekeluargaan dapat dilihat apabila penduduk Kampung Semarah Padi bekerjasama sebagai sebuah penduduk yang menginginkan kedamaian walaupun mempunyai sikap marah dalam diri. Hal ini membuatkan mereka tersedar bahawa teknik yang diajarkan itu sedikit demi sedikit memberikan mereka kesabaran untuk tidak marah walau apa jua keadaan.

#### **4.1.3 Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah)**

Seterusnya tema iri hati yang terdapat dalam teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah). Melur berasa iri hati dengan Mahsuri kerana semua orang di kampung tersebut amat menyukai Mahsuri sehingga anakanda Raja Muda di negeri tersebut ingin meminang Mahsuri untuk dijadikan isteri. Walaupun pada waktu kecil Mahsuri berkawan baik dengan Melur tetapi Melur tetap berasa iri hati dengan kehidupan Mahsuri yang sentiasa sempurna. Melur masih lagi tidak berpuas hati dengan kehidupan Mahsuri sehingga Mahsuri telah berkahwin dengan Laksamana Wan Deris iaitu Laksamana Raja Muda. Hal ini jelas kelihatan pada minit 1:11:26 iaitu ketika Laksamana Wan Deris pergi berperang lalu seorang pengembara iaitu Deramang pergi menumpang di rumah Mahsuri. Ketika Mahsuri sedang berbual-bual dengan Deramang, Melur ternampak mereka berdua dan menuduh bahawa Mahsuri curang dengan suaminya iaitu Laksamana Wan Deris;



**Gambar 4:** Babak Teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah)

**Melur:** *Amboi amboi amboi! Seronok sungguh kalian berdua. Dari jauh sudah aku dengar gelak tawa Mahsuri.*

**Mahsuri:** *Eh Melur, sudah lama kita tidak bertemu. Dari manakah kau tadi?*

**Melur:** *Aku dari rumah Siti menghantar kiriman ibunya. Siapakah gerangan pemuda ini Mahsuri? Bukankah suaminya tiada di rumah? Tapi kau di sini bercengkerama bersama lelaki lain.*

**Mahsuri:** *Ya, suaminya masih di medan perang. Tetapi janganlah kau salah faham Melur. Pemuda ini hanya datang untuk melepaskan lelah di rumahku.*

**Deramang:** *Benar, aku hanya singgah sebentar sahaja di rumah ini untuk melepaskan penat lelahku.*

**(Teater Legenda Mahsuri, 2017)**

Melalui petikan dialog di atas jelas kelihatan bahawa Melur masih lagi tidak berpuas hati dengan Mahsuri kerana terus menerus menuduh Mahsuri curang dengan suaminya, Laksamana Wan Deris. Walaupun Deramang telah menerangkan keadaan yang sedang berlaku tetapi Melur tetap dengan pendiriannya bahawa apa yang dilihat sebentar tadi adalah kesalahan Mahsuri iaitu berdua-duaan dengan pemuda lain di halaman rumah Mahsuri. Melur tidak ingin mendengar segala penjelasan daripada mereka berdua dan terus membawa perkara itu kepada Raja Muda di negeri tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa sifat iri hati tetap berada di dalam hati Melur walaupun dia pernah berkawan rapat dengan Mahsuri. Mahsuri juga

tidak menyangka bahawa selama ini Melur tidak berpuas hati dengan kehidupannya dan sanggup menganiaya rakan baiknya sendiri.

Melalui ketiga-tiga teater jelas kelihatan bahawa tema merupakan sesuatu yang amat penting untuk menyimpulkan keseluruhan sesuatu cerita tersebut. Hal ini kerana penonton hanya perlu mengetahui tema bagi teater tersebut untuk mengetahui keseluruhan teater sebelum menonton. Tema yang bagus akan mudah untuk difahami oleh penonton dan seterusnya menarik minat penonton untuk menonton teater tanpa perasaan ragu-ragu. Tema yang baik juga akan memberi kesan kepada pelakon bagi teater tersebut kerana mudah untuk mereka menyampaikan isi bagi cerita yang ingin dilakonkan. Penonton juga tidak perlu berfikir dengan panjang ketika menonton teater yang ditonton.

## 4.2 WATAK DAN PERWATAKAN

Di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat watak merupakan sifat zahir dan batin yang merangkumi budi pekerti, tingkah laku, pemikiran, kesopanan, ketenangan untuk menggambarkan seseorang yang berpendidikan. Secara amnya watak adalah pelaku-pelaku dalam setiap karya sastera. Apabila berbicara tentang watak ianya tidak dapat lari daripada menyentuh tentang jenis-jenis watak. Watak itu mungkin terdiri daripada manusia biasa, binatang dan mungkin juga makhluk ghaib. Watak-watak ini tergolong kepada beberapa kelompok atau jenis iaitu watak utama, watak sampingan, watak bulat, watak pipih, watak putih dan juga watak hitam. Menurut Lutfi Abas dan Awang Sariyan, watak adalah tokoh dalam cerita manakala Kamaruddin Hj Husin menyatakan watak itu adalah orang iaitu manusia atau bukan manusia tetapi mempunyai sifat-sifat manusia yang mengambil bahagian dalam sesebuah karya. Selalunya watak-watak ini diciptakan untuk mendukung peranan atau diberi fungsi untuk membawa dan mengembangkan idea pokok sehingga berjaya untuk mencapai matlamatnya.

Watak itu sebagai satu gambaran tentang pelaku yang memegang peranan dalam novel sama ada watak itu manusia atau binatang. Gambaran watak yang dimaksudkan oleh beliau adalah gambaran tentang bentuk tubuhnya, besar kecilnya, tinggi rendahnya, hitam putihnya, gemuk atau kurus dan segala sesuatu tentang sifat peribadinya. Sekiranya watak itu manusia maka sifat-sifat tentang manusia itu dijelaskan secara terperinci. Gambaran tentang watak ini akan menjelaskan kesesuaian peranannya dalam keseluruhan karya itu (S.Othman Kelantan, 1985: 84). Tambahan pula watak adalah unsur yang sangat penting dalam struktur novel atau karya kerana watak itulah yang berperanan dalam semua keadaan. Daripada watak ini jugalah terjalannya keseluruhan peristiwa dan munculnya akibat-akibat yang berkemungkinan terjadinya plot di dalam karya tersebut. Menurut S.Othman Kelantan (1987: 23) lagi Aristotle pernah menyatakan tentang watak iaitu;

*“character is means the personalities of the story. Character gives up qualities, but it is in action. What we do that we are happy or reverse. All human happiness and misery take the form of action.”*

Selain itu Marjorie Boulton (1975: 90) pula menyatakan bahawa pelukisan watak dalam sesebuah karya itu haruslah menyerupai manusia realistik iaitu mereka yang mengalami segala masalah, mempunyai pendidikan tertentu, mengalami soal-soal kehidupan, bersifat rendah diri dengan keadaan sopan-santun dan kecerdasan ataupun kekebalan seperti kebanyakan manusia realiti. Dr Teuku Iskandar pula mengatakan watak itu ialah keadaan jiwa seseorang yang mempengaruhi tingkah lakunya termasuk fikirannya, budi pekertinya, sifatnya, tabiatnya dan lain-lain lagi. Tambahan lagi watak itu adalah seorang tokoh di dalam karya itu sendiri. Perwatakan pula adalah perihal kepada watak itu. Di samping itu pendapat Kassim Ahmad (1964: 83) mengenai watak dan perwatakan adalah penulis-penulis novel sekarang menggunakan pelbagai teknik untuk menonjolkan watak-watak mereka. Mereka membuat gambaran-gambaran yang selengkapnya tentang keadaan seseorang seperti pakaiannya, rupanya, budi bahasanya dan perangnya yang lain juga. Mereka membuatnya bercakap, berlagak, berfikir dan merasai sesuatu dengan cara yang tertentu. Mereka juga menjelaskan rupa wataknya dengan membuat watak-watak lain memperkatakan tentang diri watak itu. Begitu juga dengan cita-citanya, kebolehannya dan berbagai-bagai perkara lain lagi. Penjelasan ini dilakukan melalui pendedahan perasaan watak-watak lain terhadapnya dan juga melalui pendapat mereka tentang watak itu. Seterusnya Hashim Awang (1984: 54) menyatakan bahawa Arnold Bennett pernah berkata iaitu *‘The foundation of good fiction is character creating and nothing else’*. Ismail Ahmad (1974: 70) memberi definisi watak adalah individu yang mengambil bahagian dalam sesebuah cerita atau novel itu. Antara watak-watak itu sudah tentu terdapat watak agama dan watak-watak lainnya. Watak-watak itu melakukan tindakan melalui peristiwa-peristiwa yang berlaku.



Bagi konsep perwatakan pula adalah pembentukan keseluruhan watak seseorang (Kamus Dewan Edisi Keempat. Perwatakan adalah satu cara pengarang mencipta dan menyusun serta memperlakukan apa sahaja ke atas watak ciptaannya itu. Perwatakan dalam sesebuah karya itu merupakan penggerak yang melancarkan perjalanan cerita di dalam karya tersebut. Kegagalan pengarang untuk menghidupkan watak-watak akan merosakkan plot kepada karya tersebut. Perwatakan juga boleh merujuk kepada gambaran dan sifat yang dimiliki oleh sesuatu watak tersebut sama ada dari aspek luaran atau aspek dalaman. Hashim Awang (1984: 55) pernah berkata bahawa William H.Hudson menggambarkan peranan watak dan perwatakan dalam karya seperti berikut '*We now see why the cerekas of plot*'. Peranan dan kedudukan watak dan perwatakan dalam sesebuah cereka adalah penting kerana tanpa watak, gerakan plot dan idea tidak akan dapat ditonjolkan. Wataklah yang akan menghidupkan, menggerakkan dan mengembangkan cerita dalam sesebuah karya. Pelukisan watak dan perwatakan ini mempunyai konsep dan prinsipnya yang tersendiri. Walaupun dalam sesebuah karya itu terdapat banyak watak tetapi masing-masing mempunyai sifatnya yang tersendiri dan berlainan antara satu watak dengan watak yang lain. Bagi konsep atau maksud lain bagi perwatakan pula adalah lebih menjurus kepada sifat-sifat watak tertentu sama ada sifat fizikal iaitu tubuh badan, pemikiran serta perbuatan sesuatu watak itu. Perwatakan fizikal adalah seperti besar, kurus, gemuk, tinggi, rendah, berkulit hitam atau putih, lelaki mahupun wanita serta muda atau tua usianya. Perwatakan pemikiran dan tingkah laku pula lebih kepada sifat seperti berani, takut, gembira, sedih, pak turut, teguh pendirian, penyayang, bengis dan juga zalim.

Daripada kenyataan-kenyataan di atas dapatlah dikatakan bahawa watak itu adalah personaliti ataupun individu yang memainkan peranan penting dalam sesebuah karya itu. Mereka boleh berfikir sendiri, terpelajar atau mungkin tidak terpelajar, mengalami masalah hidup, mempunyai keyakinan diri, mempunyai perasaan kasih sayang atau sebaliknya, beriman atau sebaliknya serta mempunyai

sikap tersendiri yang positif dan negatif untuk menjalani seluruh kehidupan di dalam karya itu seperti mana kehidupan mereka di luar karya. Dalam sesebuah karya watak-watak digambarkan sama sahaja dengan kehidupan manusia sehari-hari yang sering terlibat dalam pelbagai pertentangan dan dalam pelbagai keadaan. Namun begitu pengkarya perlu meyakinkan pembaca atau penonton bahawa segala tindak tanduknya haruslah munasabah sama seperti manusia biasa. Keyakinan pembaca serta penonton terhadap watak-watak ini adalah bergantung kepada pengarang itu sendiri iaitu cara pengarang itu menampilkan mereka dalam sesebuah karya tersebut. Walau bagaimanapun kebanyakan cara penampilan itu adalah dalam lingkungan cara deskriptif, secara langsung mahupun tidak langsung serta gabungan kesemua teknik tersebut.

Kesimpulannya maksud watak dan perwatakan dalam sesebuah karya itu adalah dengan menggambarkan individu dalam sesebuah karya yang mempunyai nafas, kemahuan, cita-cita, sikap hidup dan tingkah laku tersendiri, kepercayaan, perjuangan mahupun menyerah kepada nasib semata-mata. Watak-watak ini ditampilkan oleh pengarang dalam pelbagai cara seperti yang telah diterangkan di bahagian atas sebentar tadi untuk memberi kehidupan kepada mereka. Jelaslah bahawa watak itu adalah gambaran sifat realiti masyarakat yang diterapkan ke dalam karya melalui latar tertentu. Gambaran ini juga berhubung kait dengan idea yang dijadikan tema untuk ditonjolkan kepada penonton atau pembaca. Penampilan watak-watak dalam pelbagai cara dalam latar dan situasi yang tertentu akan dapat menjalinkan setiap bentuk plot, penerangan tema dan kesemua ini akan berkait hubungannya dengan unsur-unsur lain dalam karya tersebut. Melalui gambaran dan penampilan inilah watak-watak akan dikaji, dinilai, dianalisis dan seterusnya akan dapat menentukan sama ada pembawakan watak oleh individu itu berjaya ataupun tidak. Hal ini akan dapat memberi kepuasan mahupun sebaliknya kepada pembaca dan pengkaji khususnya.



#### 4.2.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang

Menerusi teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang terdapat dua watak yang dipertontonkan iaitu Puteri Gunung Ledang dan juga Hang Tuah. Hal ini kerana pengarah bagi teater ini mahu menunjukkan betapa romantisnya kisah percintaan antara Puteri Gunung Ledang dengan Hang Tuah sehingga sanggup berjanji untuk sehidup semati bersama. Watak pertama yang ditonjolkan adalah Puteri Gunung Ledang yang dibawa oleh Tiara Jacqueline. Pengarah memilih Tiara Jacqueline kerana rupa paras dan perwatakan beliau yang ayu dan sopan. Rupa paras yang klasik juga diambil kira kerana Puteri Gunung Ledang merupakan salah satu kisah yang berbentuk sejarah. Tiara Jacqueline juga dapat mendalami watak sebagai Puteri Gunung Ledang yang lemah lembut walaupun sedikit tegas kerana beliau pernah membawa watak yang sama di dalam filem Puteri Gunung Ledang. Di dalam teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang pula perwatakan Puteri Gunung Ledang merupakan seseorang yang sedang asyik dilamun cinta tanpa memikirkan keadaan sekeliling dan hanya fokus kepada Hang Tuah sahaja. Beliau amat menyayangi Hang Tuah sehingga sanggup bersumpah berjanji setia untuk bersama sehingga ke syurga.



**Gambar 5:** Watak Puteri Gunung Ledang yang dilakukan oleh Tiara Jacqueline

Seterusnya adalah watak Hang Tuah yang dibawa oleh Stephen Rahman. Umum mengetahui Hang Tuah merupakan seorang pemuda yang tampan dan juga seorang yang taat setia kepada raja sehingga sanggup mengorbankan dirinya tanpa memikirkan akibat yang akan beliau terima. Beliau sanggup memberikan cinta hatinya iaitu Puteri Gunung Ledang kepada raja kerana raja berkenan dengan puteri dan ingin mengahwini puteri. Stephen Rahman membawa watak sebagai Hang Tuah yang merupakan seorang yang tangkas, berani dan juga sangat menyayangi Puteri Gunung Ledang. Di dalam teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang jelas terlihat bahawa watak Hang Tuah sangat mencintai Puteri Gunung Ledang dan bersumpah untuk menjadikan Puteri Gunung Ledang sebagai wanita terakhir yang beliau cintai. Beliau juga menyatakan bahawa Gunung Ledang merupakan saksi pertemuan cinta mereka berdua dan berjanji setia akan hidup bersama hingga ke akhirnya.



**Gambar 6:** Watak Hang Tuah yang dilakonkan oleh Stephen Rahman

#### 4.2.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok

Seterusnya terdapat beberapa watak penting di dalam teater Kampung Semarah Padi iaitu Mariam sebagai watak utama, Penghulu Siak iaitu bapa kepada watak utama, Sudin dan juga Kassim. Bagi watak utama, Mariam yang dibawa oleh Hanisah iaitu pelajar Universiti Malaysia Kelantan Bachok, perwatakan Mariam seakan sama dengan watak sebenar. Hal ini kerana Hanisah merupakan seorang yang sopan santun dan mempunyai bentuk fizikal yang kecil molek seiring dengan watak yang dibawa. Mariam merupakan satu-satunya anak kepada Penghulu Siak dan Mak Tanjung. Oleh kerana beliau merupakan anak tunggal maka perwatakan manja dan gedik sangat sesuai untuknya. Hal ini dapat dilihat apabila orang kampung menjumpai pemuda yang hanyut dan seterusnya Mariam mula menyukai pemuda tersebut kerana mempunyai rupa paras yang sempurna. Oleh kerana rupa paras Mariam yang kecil molek dan comel, pemuda tersebut juga menyukai Mariam tetapi dia tidak mengetahui bahawa terdapat pemuda di dalam kampung tersebut yang turut menaruh harapan terhadap Mariam. Dengan rupa paras yang comel dan cantik membuatkan ramai orang menyukai beliau.



**Gambar 7:** Watak Mariam yang dilakonkan oleh Hanisah

Bagi watak Penghulu Siak pula dibawakan oleh Muhammad Adha yang juga merupakan pelajar Universiti Malaysia Kelantan Bachok. Perwatakan Penghulu Siak adalah seorang yang bertubuh kasar, mempunyai suara yang lantang dan juga merupakan ketua kampung bagi Kampung Semarah Padi. Watak Penghulu Siak perlu dibawakan oleh seorang pemuda yang mempunyai rupa paras yang tegas dan bertubuh sasa. Muhammad Adha dipilih untuk membawa watak ini kerana dia dikenali sebagai seorang yang tegas dalam kalangan pelajar. Melalui teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok Muhammad Adha dapat membawa watak sebagai Penghulu Siak dengan baik dan penonton juga dapat memahami perwatakan Penghulu Siak.



**Gambar 8:** Watak Penghulu Siak yang dilakonkan oleh Muhammad Adha

Seterusnya adalah watak Kassim yang dibawa oleh Ahmad Haikal. Bagi watak ini seseorang yang mempunyai rupa paras yang sempurna diperlukan kerana akan menarik minat penduduk Kampung Semarah Padi. Kassim merupakan seorang yang baik, suka menolong dan sangat menghormati orang tua. Hal ini kerana beliau ingin membantu penduduk Kampung Semarah Padi menghilangkan sumpahan yang telah ibu beliau iaitu Musalmah jatuhkan kepada kampung tersebut. Walaupun pada

mulanya niat baiknya itu tidak dipersetujui oleh Penghulu Siak tetapi beliau tetap ingin mencuba untuk menolong penduduk tersebut. Perwatakan ini jelas menunjukkan bahawa Kassim adalah seorang yang tidak mudah mengalah dan sentiasa berusaha untuk melakukan yang terbaik.



**Gambar 9:** Watak Kassim yang dilakonkan oleh Ahmad Haikal

Bagi menghasilkan sebuah teater yang bernas, pengarah perlu menggabungkan watak antagonis. Hal ini kerana dengan adanya watak antagonis ini akan menjadikan sebuah teater itu mempunyai konflik yang akan membuatkan penonton tidak berasa jemu dan bosan. Watak antagonis pada teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok adalah watak Sudin kerana beliau merupakan seorang yang suka berhutang, sering menabur fitnah dan juga gemar melepak di warung Wak. Seseorang yang membawa watak ini perlulah mempunyai rupa paras yang tidak berapa kemas dan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan watak Sudin. Muhammad Firdhaus telah dipilih untuk membawa watak ini kerana rupa paras beliau yang mempunyai rambut panjang dan tidak kemas. Beliau dapat membawakan watak Sudin dengan jayanya kerana ia merupakan perkara yang mudah bagi seseorang yang sentiasa yakin ketika berada di hadapan khalayak ramai. Selain itu



Sudin juga menaruh harapan kepada Mariam kerana Mariam merupakan gadis kampung yang comel dan manja. Oleh kerana Mariam tidak mahu berkawan dengan Sudin maka Sudin menyimpan niat yang tidak baik kepada Mariam. Mariam menyukai Kassim tetapi bukan Sudin dan hal ini membuatkan Sudin berasa marah dan menabur fitnah bahawa dia ternampak Mariam dan Sudin berdua-duaan sambil melakukan perkara yang tidak elok.



**Gambar 10:** Watak Sudin yang dilakonkan oleh Muhammad Firdhaus

#### **4.2.3 Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah)**

Bagi teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah) tidak banyak watak yang digunakan untuk menjadikan teater tersebut mendapat tontonan ramai. Antara watak yang penting adalah Mahsuri, Melur, Laksamana Wan Deris dan juga Sang Pengembara iaitu Deramang. Nina Sophie telah dipilih untuk membawa watak Mahsuri kerana pengarah melihat rupa paras beliau sangat bersesuaian untuk watak tersebut. Melihat daripada teater tersebut dapat disimpulkan bahawa perwatakan Mahsuri adalah seorang yang baik, lemah lembut, menghormati kedua ibu bapa dan tidak memandang kepada harta semata-mata. Mahsuri dibesarkan oleh kedua ibu

bapanya dengan baik seperti menatang minyak yang penuh kerana beliau merupakan anak tunggal bagi keluarga tersebut. Beliau juga sentiasa berbincang dengan ibu bapanya apabila ingin melakukan sesuatu. Hal ini dapat dilihat apabila Mahsuri ingin belajar menari bersama dengan Melur lalu beliau berbincang dengan kedua ibu bapanya dan meminta izin supaya mereka memberi kebenaran untuk beliau belajar menari. Selain itu perwatakan Mahsuri juga telah menjadi rebutan ramai antaranya adalah Raja Muda dengan Laksamana Wan Deris. Oleh kerana Mahsuri tidak memandang kepada kekayaan maka beliau memilih Wan Deris untuk dijadikan suami. Sikap Mahsuri yang sentiasa merendah diri menjadi bualan orang kampung dan disenangi oleh setiap lapisan masyarakat.



**Gambar 11:** Watak Mahsuri yang dilakonkan oleh Nina Sophie

Bagi watak Laksamana Wan Deris pula dibawakan oleh Aiman Daniel kerana mempunyai tubuh badan yang tegap serta rupa paras yang sempurna. Hal ini kerana perwatakan Wan Deris adalah seorang yang boleh mempertahankan Raja Muda, seorang yang penyayang serta patuh kepada perintah Raja Muda. Wan Deris patuh kepada perintah Raja Muda untuk pergi berperang walaupun pada waktu itu Mahsuri iaitu isterinya sedang hamil. Beliau juga sentiasa menjaga hati Mahsuri kerana Mahsuri merupakan satu-satunya wanita yang dicintai dan tidak mahu menyakitkan

hati isterinya. Ketika Raja Muda menyatakan hasrat untuk meminang Mahsuri, Wan Deris memberitahu Raja Muda bahawa dia juga menyukai Mahsuri tetapi oleh kerana dia tidak mahu melawan perintah Raja Muda, dia menyimpan perasaan itu seorang diri. Tetapi Raja Muda tidak berasa tersinggung kerana Wan Deris merupakan sahabat baik Raja Muda. Hal ini membuatkan Wan Deris berasa sedikit gembira kerana Raja Muda tidak memarahi dia kerana mempunyai perasaan terhadap Mahsuri. Aiman Daniel dapat membawa watak sebagai Laksamana Wan Deris dengan jayanya kerana dia banyak membuat kajian tentang watak yang ingin dibawa.



**Gambar 12:** Watak Laksamana Wan Deris yang dilakonkan oleh Aiman Daniel

Watak lain di dalam teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah) adalah Melur. Melur sebagai watak antagonis dilakonkan oleh Cha Faizah. Hal ini kerana Cha Faizah mempunyai suara yang lantang dan rupa paras yang sedikit tegas. Perwatakan Melur adalah seorang yang sentiasa iri hati, sentiasa berdendam, suka menjaja cerita dan tidak boleh melihat orang bahagia. Melur juga dikatakan sering menabur fitnah terhadap orang lain dan tidak suka melihat kebahagiaan seseorang. Hal ini membuatkan watak Melur tidak berapa disenangi oleh penduduk di negeri tersebut. Che Faizah dapat membawa watak Melur kerana rupa parasnya yang tegas membuatkan pengarah tertarik dan seterusnya memberikan watak itu kepada Che



Faizah. Watak antagonis diperlukan bagi menjayakan sesebuah pementasan teater kerana ingin mewujudkan konflik ketika pementasan teater sudah berada di kemuncak ataupun lebih dikenali sebagai klimaks. Watak Melur wujud ketika Mahsuri sudah berkahwin dengan Laksamana Wan Deris kerana ingin mewujudkan konflik yang seterusnya.



**Gambar 13:** Watak Melur yang dilakonkan oleh Che Faizah

Melalui ketiga-tiga teater dapat dilihat bahawa watak dan perwatakan yang jelas perlu diperkenalkan kepada penonton supaya penonton mudah untuk memahami pementasan teater tersebut. Setiap pementasan teater memerlukan watak protagonis dan antagonis bagi menjayakan teater dan seterusnya dapat menepati setiap plot cerita. Apabila watak antagonis tidak digunakan dalam pementasan teater maka penonton tidak akan mencapai plot cerita pada tahap klimaks kerana tiada konflik yang terjadi. Konflik yang berlaku akan menjadikan penonton lebih tertarik dan tidak bosan menonton sesebuah pementasan teater.

### 4.3 LATAR

Latar merupakan salah satu elemen sastera yang penting. Hal ini kerana dengan adanya latar maka tindakan yang akan dilakukan oleh watak akan menjadi lebih jelas. Latar menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat adalah bidang, permukaan, tanah, halaman rumah, latar belakang iaitu mempunyai latar yang bertanah, berdasar, berwarna dan mempunyai motif ruang yang melintang. Umumnya latar adalah keterangan mengenai ruang, waktu serta suasana yang akan terjadinya peristiwa-peristiwa di dalam sesuatu karya sastera. Definisi lain bagi latar adalah segala keterangan yang mempunyai hubungan dengan ruang, waktu serta suasana yang akan terjadinya sesuatu peristiwa. Latar berperanan untuk mengembangkan watak dan perwatakan di samping mengembangkan tema, persoalan serta plot. Di samping itu menurut Abrams (1981: 175) latar adalah tempat, hubungan waktu dan lingkungan sosial tempat terjadinya peristiwa-peristiwa yang diceritakan. Latar dalam cerita dapat diklasifikasikan sebagai latar tempat, latar waktu dan latar sosial.

Selain itu menurut Aminuddin latar cerita adalah berbentuk tempat, masa mahupun peristiwa. Seperti tema, watak dan perwatakan, latar juga bersifat rekaan semata-mata. Menurutnya lagi latar itu mempunyai dua fungsi iaitu pertama untuk menerangkan latar atau plot secara konkrit atau boleh dilihat dengan mata kasar. Manakala fungsi kedua pula ialah fungsi psikologi yang menggambarkan latar belakang atau latar secara abstrak atau tidak dapat dilihat dengan mata kasar tetapi hanya boleh dirasakan. Menurut beliau lagi maksud latar dalam karya sastera bukan sahaja tempat, waktu, peristiwa, suasana dan objek dalam lingkungan tertentu tetapi juga boleh menjadi suasana yang berkaitan dengan sikap cara pemikiran, prasangka dan masalah tertentu (Leo Hamalin dan Frederick R. Karel). Taringan (2011: 55) menyatakan latar cerita mempunyai tujuan yang terbahagi kepada tiga iaitu yang pertama latar di sini untuk meningkatkan keyakinan dalam watak, pergerakan mereka dan tindakan mereka. Kedua latar hadir kerana mempunyai hubungan yang lebih

langsung dengan makna keseluruhan dan makna umum dalam sesebuah cerita. Akhir sekali adalah untuk menunjukkan suasana yang bermanfaat. Contohnya apabila anak anda mendapat keputusan yang tidak memuaskan di sekolah, dia akan berasa tertekan walaupun tidak lama lagi dia perlu memilih universiti yang terbaik. Bukan sahaja anak itu tetapi ibu bapanya juga akan berasa risau dan takut dengan nasib anak mereka. Latar yang terdapat dalam cerita pendek tersebut mempunyai maksud dan tujuan tersendiri.

Terdapat berbagai-bagai jenis latar iaitu latar masa, latar tempat dan latar masyarakat. Latar tempat merupakan lokasi ataupun tempat terjadinya sesuatu peristiwa di dalam karya sastera baik nama sesuatu kawasan, jalan, rumah mahupun gunung. Sebagai contoh latar tempat adalah di ruang angkasa, di sebuah pesawat, di sekolah, di dalam hutan, di lautan, di sebuah gedung, di dalam bangunan dan lain-lain. Latar masa pula adalah di mana terdapat peristiwa yang sedang berlaku pada waktu kejadian dalam karya sastera. Contohnya pada waktu pagi, waktu malam, pada masa hadapan, pada zaman dahulu dan lain lagi. Kebiasaannya latar waktu terjadi kerana ingin disesuaikan dengan plot supaya tidak kelihatan janggal dan seterusnya penonton akan memahami setiap jalan cerita yang ingin disampaikan pada waktu tersebut. Sekiranya waktu tersebut pada waktu pagi tetapi tiada burung yang berkicauan pada waktu tersebut maka penonton akan berasa janggal dengan keadaan tersebut dan seterusnya penonton tidak akan fokus dengan setiap jalan cerita tersebut. Akhir sekali adalah latar masyarakat. Latar masyarakat merupakan keadaan masyarakat di tempat cerita itu berlaku. Gambaran ini termasuklah agama, kepercayaan dan pekerjaan masyarakat di situ. Sebagai contoh masyarakat yang mementingkan kasih sayang dalam keluarga, masyarakat yang berkasih sayang serta masyarakat yang bertolak ansur. Hal ini adalah kerana pengkarya ingin menunjukkan bahawa masyarakat di dalam sesebuah karya itu mempunyai hubungan yang akrab mahupun tidak. Untuk menjadikan sesebuah karya itu menarik maka pengarah perlu mencampur adukkan hubungan masyarakat kampung yang

mempunyai pelbagai kerenah supaya nampak seperti sama di kehidupan sebenar. Hal ini kerana penonton sudah terbiasa melihat kerenah masyarakat di dunia realiti maka sekiranya pengkarya tidak memasukkan elemen seperti kehidupan sebenar maka penonton akan berasa bosan.

Fungsi latar adalah untuk menciptakan unsur dalam karya sastera yang pada asalnya mengandungi ruang, waktu dan suasana peristiwa dan suasana yang berlaku dalam sesebuah cerita. Fungsi latar cerita adalah untuk memberikan gambaran yang jelas supaya pelbagai peristiwa yang berlaku dalam perjalanan sesebuah cerita sama ada benar-benar berlaku atau hanya untuk memberikan maklumat yang jelas tentang situasi yang berlaku di dalam cerita tersebut. Latar atau pemahaman latar belakang cerita juga mempunyai fungsi sebagai gambaran kepada pembaca tentang suasana yang benar-benar terjadi dalam cerita. Latar ini berfungsi untuk memudahkan pembaca membayangkan perkara yang diterangkan dalam karya sastera atau cerita. Semasa menulis cerita, penulis diharapkan dapat menyampaikan latar yang sesuai dengan tujuan untuk menjadikan cerita yang direka menjadi lebih kuat dan seperti hidup. Tanpa sikap pengarang berkenaan latar, pembaca juga akan sukar untuk membayangkan sesuatu peristiwa yang berlaku dalam perjalanan cerita.

Kesimpulannya latar merupakan salah satu elemen sastera yang penting supaya penonton atau pembaca dapat menghayati setiap plot yang berlaku dalam karya tersebut. Sekiranya latar yang ditonjolkan tidak jelas maka penonton sukar untuk memahami jalan cerita tersebut dan seterusnya tidak berminat untuk meneruskan pembacaan atau menonton cerita tersebut. Walaupun latar kelihatan seperti salah satu elemen sastera yang tidak penting tetapi tanpa adanya latar maka penonton tidak akan berminat untuk menonton dan menghayati cerita tersebut.

### **4.3.1 Latar Masa**

#### **4.3.1.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang**

Latar masa di dalam teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang adalah pada zaman dahulu. Hal ini kerana Puteri Gunung Ledang merupakan cerita lagenda bagi masyarakat terdahulu. Pada waktu itu negeri Melaka masih digelar sebagai Tanah Melayu dan mempunyai sultan yang sangat tegas iaitu Sultan Mahmud Syah. Selain itu latar masa juga menunjukkan bahawa penggunaan bahasa antara Puteri Gunung Ledang dengan Hang Tuah adalah Bahasa Melayu Klasik. Walaupun begitu bahasa yang digunakan masih lagi boleh difahami oleh penonton dan memudahkan penonton untuk memahami setiap tutur kata yang disampaikan.

#### **4.3.1.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok**

Seterusnya adalah latar masa bagi teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok adalah pada zaman sekarang. Hal ini kerana cara pemakaian masyarakat di dalam kampung tersebut lebih kepada pakaian yang sopan dan menutup aurat. Cara pertuturan penduduk Kampung Semarah Padi juga menggunakan Bahasa Melayu kini dan banyak menggunakan bahasa pasar. Hal ini dapat dilihat ketika penduduk kampung sedang menikmati makanan di Warung Wak. Mereka kelihatan tidak kekok menggunakan bahasa pasar dan hal ini membuatkan pengkaji yakin bahawa masa yang digunakan adalah pada zaman sekarang.

#### **4.3.1.3 Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah)**

Akhir sekali adalah teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah). Pengarah menggunakan latar masa zaman dahulu kerana ingin pelakon menjiwai setiap watak yang dibawa. Umum mengetahui bahawa Lagenda Mahsuri merupakan cerita sejarah yang menjadikan Langkawi sebagai tempat pelancongan. Oleh itu pengarah

ingin menggunakan latar masa zaman dahulu supaya penonton dapat menikmati sejarah tanpa berasa bosan kerana sudah diadaptasi menjadi teater. Bahasa yang digunakan juga adalah Bahasa Melayu Klasik dan tiada penggunaan bahasa pasar yang digunakan. Setiap pelakon menuturkan kata dengan baku supaya dapat menjadikan teater tersebut seperti cerita zaman dahulu.



## 4.3.2 Latar Tempat

### 4.3.2.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang

Penggunaan latar tempat yang bersesuaian dengan situasi yang sedang berlaku amatlah digalakkan. Hal ini kerana penonton akan dapat memahami jalan cerita yang pengarah ingin sampaikan kepada khalayak. Bagi teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang hanya satu sahaja latar tempat yang digunakan iaitu di kawasan kaki Gunung Ledang. Penggunaan latar tempat yang sedikit adalah kerana pengarah ingin memfokuskan kepada dua watak iaitu Puteri Gunung Ledang dengan Hang Tuah yang sedang berjumpa dan meluahkan perasaan masing-masing. Oleh kerana Puteri Gunung Ledang hanya tinggal di Gunung Ledang maka banyak pertemuan yang berlaku di Gunung Ledang. Hal ini membuatkan penonton memahami plot cerita dan dapat menyelami kisah percintaan antara Puteri Gunung Ledang dengan Hang Tuah.



**Gambar 14:** Babak Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang

### 4.3.2.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok

Seterusnya adalah teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok yang menggunakan pelbagai latar tempat iaitu di kawasan rumah Penghulu Siak, di Warung Wak dan juga di balai raya. Hal ini adalah kerana terdapat banyak watak yang digunakan dalam teater ini dan memerlukan banyak latar tempat untuk



menghasilkan teater yang sempurna. Banyak kejadian yang terjadi di kawasan rumah Penghulu Siak kerana di situlah bermulanya sumpahan yang diterima oleh penduduk Kampung Semarah Padi. Antara kejadian yang terjadi adalah ketika Penghulu Siak menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Musalmah yang dikatakan telah makan buah cempedak milik Penghulu Siak. Ketika penduduk kampung menjumpai Kassim yang sudah hanyut ke kampung tersebut, mereka membawa Kassim ke rumah Penghulu Siak. Hal ini kerana Penghulu Siak merupakan ketua kampung tersebut dan setiap peristiwa yang berlaku perlu diberitahu kepada Penghulu Siak. Selain itu kejadian ketika Penghulu Siak menghalau Kassim keluar dari kampung kerana Sudin menuduh Kassim melakukan hal yang tidak baik bersama dengan anak Penghulu Siak iaitu Mariam. Walaupun Kassim telah menerangkan hal yang sebenar tetapi Penghulu Siak tetap dengan pendiriannya dan akhirnya Kassim menyumpah penduduk kampung tersebut menjadi lembut.



**Gambar 15:** Babak Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok

UM  
MALAYSIA

KELANTAN



**Gambar 16:** Babak Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok



**Gambar 17:** Babak Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok

Seterusnya adalah latar tempat Warung Wak. Kebanyakan penduduk datang ke Warung Wak hanya untuk melepak dan berbual kosong sahaja. Mereka lebih gemar pergi ke Warung Wak kerana kawasan tersebut lebih santai dan tempat lalu lalang penduduk Kampung Semarah Padi. Hal ini dapat dilihat ketika Mariam sedang melalui Warung Wak setelah balik daripada pasar dan Sudin terus menyapa Mariam kerana dia sangat menyukai Mariam.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



**Gambar 18:** Babak Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok



**Gambar 19:** Babak Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok

Latar tempat di balai raya adalah ketika penduduk Kampung Semarah Padi belajar untuk menahan marah. Walaupun Kassim merupakan pendatang asing di kampung tersebut tetapi dia mempunyai niat yang ikhlas untuk membantu penduduk kampung supaya dapat menghilangkan sumpahan marah. Mereka mempelajari pelbagai teknik supaya dapat menahan daripada ingin marah kepada seseorang.



**Gambar 20:** Babak Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok

#### 4.3.2.3 Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah)

Seterusnya adalah teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah) yang hanya menggunakan dua latar tempat iaitu di kawasan rumah Mahsuri dan di dalam istana. Hal ini kerana pengarah hanya ingin memfokuskan peristiwa yang penting sahaja iaitu ketika berada di kawasan rumah Mahsuri dan ketika di dalam istana iaitu di mana Raja Muda telah jatuh cinta kepada Mahsuri. Penggunaan latar yang banyak akan membuatkan pentas penggambaran menjadi sempit dan terlalu serabut. Jurukamera juga perlu memainkan peranan yang penting supaya latar tempat menjadi luas dan tidak terlalu sempit. Sekiranya pementasan teater terlalu sempit dan serabut maka sukar untuk penonton memfokuskan setiap plot cerita yang ingin disampaikan. Kejadian yang berlaku di halaman rumah Mahsuri adalah ketika Mahsuri meminta izin kedua ibu bapanya untuk belajar menari bersama Melur. Seterusnya adalah ketika Raja Muda dan Laksamana Wan Deris pergi ke rumah Mahsuri untuk meminang Mahsuri kerana mereka berdua sudah jatuh hati kepada Mahsuri. Walaupun sukar untuk Mahsuri memilih pada waktu itu tetapi akhirnya dia memilih Laksamana Wan Deris kerana sikapnya yang baik itu. Majlis perkahwinan mereka berdua juga diadakan di kawasan rumah Mahsuri. Banyak lagi kejadian yang terjadi di kawasan rumah Mahsuri iaitu ketika Melur ternampak Mahsuri berduaan dengan Deramang iaitu Sang Pengembara. Melur juga menuduh Mahsuri berlaku curang dengan suaminya yang sedang pergi berperang.



**Gambar 21:** Babak Teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah)





**Gambar 22:** Babak Teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah)



**Gambar 23:** Babak Teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah)

Latar tempat di dalam istana adalah ketika Mahsuri membuat pertunjukan tarian di hadapan Raja Muda. Raja Muda menikmati tarian tersebut dan seterusnya terpicat dengan Mahsuri. Walaupun setiap penari tidak menunjukkan muka masing-masing tetapi Raja Muda tetap terpicat dengan gaya tarian Mahsuri dan seterusnya menyuruh penasihat untuk meminang Mahsuri bagi pihak beliau. Selain itu kejadian di mana Mahsuri dihukum bunuh kerana dituduh berlaku curang ke atas suaminya walaupun dia dan Deramang telah menafikan perkara tersebut. Oleh kerana Raja Muda telah termakan kata-kata Melur maka tanpa rasa bersalah beliau menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Mahsuri. Mahsuri juga sempat bersumpah sekiranya darah yang keluar itu berwarna putih maka bumi Langkawi tidak akan aman dan berubah menjadi padang jarak padang tekukur selama tujuh keturunan.



**Gambar 24:** Babak Teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah)



**Gambar 25:** Babak Teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah)




**Gambar 26:** Babak Teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah)

MALAYSIA

KELANTAN

#### 4.4 SUDUT PANDANGAN

Sudut pandangan merupakan perspektif oleh seseorang dari arah sesebuah cerita itu disampaikan. Sudut pandangan dalam karya sastera berbeza mengikut genre. Contohnya adalah puisi kerana ia mempunyai satu lapisan wacana iaitu penyair dan pembaca, manakala teks drama mempunyai dua lapisan iaitu penulis skrip, khalayak serta watak. Novel pula memerlukan sekurang-kurangnya tiga lapisan wacana iaitu penulis, pembaca, pencerita, yang dicerita dan watak.



**Rajah 1:** Lapisan sudut pandang.

Berdasarkan rajah 1 dapat dilihat bahawa lapisan struktur wacana dalam novel secara umum. Terdapat tiga tahap dan sekurang-kurangnya enam individu diperlukan untuk menjelaskan pembentukan novel. Struktur asas wacana novel ini menjelaskan sekiranya terdapat enam individu maka lebih banyak sudut pandangan yang perlu dipertimbangkan berbanding genre lain misalnya puisi dan drama. Berdasarkan maklumat tersebut novel dan cerpen merupakan karya yang paling kompleks sudut pandangannya. Oleh itu tidak hairanlah bahawa novel merupakan genre yang paling menyeluruh diteroka sudut pandangannya (Short, 1996: 82). Isu yang lazim timbul di dalam sudut pandangan adalah individu yang menyampaikan cerita dan cara cerita itu disampaikan.



Menurut Iwamoto (1998: 32) sudut pandangan dapat dibincangkan berdasarkan dua konsep asas iaitu sudut pandangan dalaman dan luaran. Sudut pandangan ini juga disebut sebagai sudut pandangan subjektif dan objektif. Sudut pandangan subjektif memperlihatkan kemampuan pengarang mengakses perasaan dan fikiran dalaman watak manakala sudut pandangan objektif pula pengarang hanya dapat merakamkan atau menggambarkan perkara yang dilihat atau didengarnya. Dalam kata lain sudut pandangan subjektif merujuk kepada pengarang yang serba tahu iaitu *omniscient* dan berbeza dengan sudut pandangan objektif kerana terbatas pengetahuannya. Seterusnya Simpson (1993: 4-5) menyatakan bahawa;

*In the context of fiction, point of view refers generally to the psychological perspective through which a story is told. It encompasses the narrative framework which a writer employs, whether this be first person or third person, restricted perspective or omniscient perspective and accounts for the basic viewing position which is adopted in a story. Narrative point of view is arguably the very essence of a story's style, what gives it its "feel" and "colour".*

Berdasarkan pernyataan di atas beliau menyebut bahawa sudut pandangan umumnya merujuk kepada perspektif psikologi melalui cerita yang disampaikan. Kerangka naratif pengarang bergantung kepada pemilihan sudut pandangan, sama ada pertama atau ketiga, perspektif terbatas atau serba tahu. Sudut pandangan cereka merupakan asas kepada gaya penceritaan yang dapat memberikan 'perasaan' atau 'warna'. Berdasarkan penjelasan tersebut dapatlah difahami bahawa kajian sudut pandangan merupakan salah satu alat yang dibangunkan untuk menganalisis sesuatu karya. Analisis dari perspektif subjektif dan objektif dapat menjadi kayu ukur sudut pandangan pengarang dalam sesuatu karya.

Penulis menggunakan sudut pandang sebagai cara untuk berhubung dengan pembaca dan terdapat pelbagai cara di mana sudut pandangan dapat mempengaruhi pengalaman pembaca. Pandangan orang pertama berasal daripada pencerita sendiri

yang mungkin penulis ataupun watak utama. Jalan cerita akan menggunakan kata ganti diri seperti 'saya' dan kadangkala terdengar sedikit seperti membaca jurnal peribadi atau mendengar seseorang bercakap. Pencerita menyaksikan sendiri peristiwa dan menyatakan bagaimana rupa dan rasanya dari pengalaman sendiri. Pandangan orang pertama juga boleh lebih daripada serang dan akan menggunakan 'kita' ketika merujuk suatu kumpulan. Sebagai contoh dalam novel Mark Twain, *The Adventures of Huckleberry Finn* ;

*“Tom paling baik sekarang dan mendapatkan peluru di lehernya pada pengawal jam tangan dan selalu melihat jam berapa sekarang dan tidak ada lagi yang perlu saya tulis dan saya gembira kerana ia kerana jika saya tahu apa masalahnya untuk membuat buku, saya tidak akan mengatasinya dan tidak akan berusaha lagi.”*

Seterusnya adalah pandangan orang kedua yang jarang digunakan kerana penulis perlu bercakap secara langsung dengan pembaca melalui karya. Hal ini akan menjadi sedikit aneh dan membingungkan kedua-dua belah pihak. Walaupun begitu penulisan dari sudut pandang orang kedua ini amat popular dalam penulisan perniagaan, artikel dan buku bantu diri, ucapan, iklan dan juga lirik lagu. Akhir sekali adalah sudut pandangan orang ketiga iaitu jenis penceritaan yang paling biasa dalam novel. Daripada sudut pandangan ini terdapat pencerita luaran yang akan menceritakan kisah tersebut. Pencerita akan menggunakan kata ganti nama seperti 'dia' ataupun 'mereka' sekiranya mereka bercakap mengenai kumpulan. Pencerita yang mengetahui akan hal itu akan memberikan pandangan mengenai pemikiran, perasaan dan kesan kepada semua watak dan peristiwa. Di samping itu pencerita juga akan dapat memberikan sudut pandangan yang lebih objektif atau dramatis di mana penonton akan diberitahu peristiwa dan dibenarkan untuk bertindak balas yang melibatkan perasaan. Di dalam sudut pandangan ini penonton tidak diberikan emosi tetapi akan mengalami emosi berdasarkan peristiwa yang sedang dibaca.

Sudut pandang yang dilaksanakan dengan baik adalah asas penting bagi setiap penulisan. Secara asasnya sudut pandang menyediakan konteks dan latar belakang yang diperlukan oleh penulis agar penonton dapat memahami pemandangan tersebut, membantu penonton untuk melihat watak dengan sebaik-baiknya dan seterusnya mereka dapat mentafsirkan bahan dengan cara yang penulis inginkan. Tetapi terdapat sesuatu yang tidak selalu penulis sedari iaitu sudut pandang yang kukuh sebenarnya dapat mendorong penyusunan cerita yang baik.

#### 4.4.1 Sudut Pandangan Dalaman

##### 4.4.1.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang

Melalui teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang pengarah ingin menggambarkan peribadi seorang puteri melalui intonasi suara Puteri Gunung Ledang. Hal ini kerana ketika pementasan teater dijalankan Puteri Gunung Ledang hanya menggunakan intonasi suara yang lemah lembut sahaja. Penggunaan suara yang lembut akan menjadikan penonton lebih tertarik dengan sifat peribadi seorang puteri. Intonasi suara yang lembut juga diperlukan bagi mewujudkan suasana yang romantik kerana Puteri Gunung Ledang sedang meluahkan isi hatinya kepada Hang Tuah. Sekiranya Puteri Gunung Ledang menggunakan suara yang tegas maka suasana tersebut akan berubah menjadi tegang dan tiada babak romantik yang dapat dihayati oleh penonton.

***Puteri Gunung Ledang:** Memang benar rupanya orang Melaka bersopan santun dan laksamananya pula pandai berpantun*

**(Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang, 2020)**

Puteri Gunung Ledang dan Hang Tuah juga menggunakan tubuh badan mereka untuk berinteraksi sesama sendiri. Penggunaan intonasi suara yang lemah lembut akan menghasilkan gerakan tubuh yang selari dan tidak kaku. Hal ini dapat

dilihat ketika Hang Tuah bersumpah untuk bersama dengan Puteri Gunung Ledang sehingga akhir hayat. Hang Tuah menggenggam tangan Puteri Gunung Ledang untuk menunjukkan bahawa beliau berpegang pada janji tersebut dan tidak akan sekali-kali meninggalkan Puteri Gunung Ledang.



**Gambar 27:** Babak Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang

***Puteri Gunung Ledang:*** *Kanda berjanjikan kanda bahawa kita akan kembali bersama? Mengabdikan jiwa kita kepada cinta yang telah sama-sama kita rasakan? Bersumpahkah kanda?*

***Hang Tuah:*** *Kanda bersumpah dindalah pengakhir kanda!*

**(Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang, 2020)**

#### 4.4.1.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok

Seterusnya adalah pementasan teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok yang menunjukkan kerjasama antara barisan pelakon. Umum mengetahui barisan pelakon teater Kampung Semarah Padi adalah para pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Walaupun jalan cerita yang agak rumit iaitu setiap pelakon perlu bercakap dengan nada yang marah tetapi mereka bekerjasama untuk menghasilkan pementasan teater yang terbaik. Barisan pelakon amnya merupakan seseorang yang ceria, mudah terhibur tetapi oleh kerana pementasan teater yang akan dilakonan memerlukan riak wajah yang sentiasa bengis dan tegas maka dengan sedaya upaya mereka membawa watak yang ingin dilakonan supaya tidak terbawa-bawa dengan

watak semula jadi. Hubungan yang baik akan menghasilkan pementasan teater yang bernas dan tidak terlalu kekok apabila berada di atas pentas.

Di samping itu untuk menjayakan pementasan teater ini barisan pelakon memerlukan pengarah yang dapat memahami setiap perwatakan pelakon supaya pementasan teater yang akan dijalankan tidak kelihatan pelik di mata penonton. Sebagai contoh bagi watak Mariam dan Kassim iaitu watak yang difokuskan di dalam teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok. Bagi watak Mariam, pengarah perlu mencari seseorang yang berperwatakan comel, baik dan sedikit gedik. Sekiranya pengarah memilih pelakon yang tidak mempunyai perwatakan seperti Mariam maka watak Mariam akan menjadi sedikit janggal untuk digabungkan dengan Kassim yang berperwatakan sebagai seorang lelaki yang budiman dan baik budi pekerti.



**Gambar 28:** Babak Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok

#### 4.4.1.3 Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah)

Bagi teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah) pula pengarah ingin menyampaikan bahawa intonasi yang berlainan digunakan untuk memberikan emosi kepada para penonton. Emosi yang wujud akan menjadikan penonton lebih fokus kepada setiap plot yang terhasil. Hal ini dapat dilihat ketika Raja Muda meninggikan suara kepada kedua orang tua Mahsuri. Untuk menunjukkan watak seorang raja itu, pelakon menggunakan intonasi suara yang tegas supaya bersesuaian dengan watak yang dibawa. Umum mengetahui bahawa seorang raja perlu bersikap tegas supaya



rakyat akan menghormati raja. Hal ini kerana di dalam Rukun Negara jelas menyatakan bahawa setiap rakyat perlu menunjukkan kesetiaan kepada raja supaya dapat menjadi sebuah negara yang harmoni.

**Ayahanda Mahsuri:** *Boleh patik tahu adakah puteri patik telah melakukan apa-apa kesalahan terhadap tuanku?*

**Raja Muda:** *Sebenarnya, anak tuan hamba ada melakukan kesalahan yang amat berat pada beta dan laksamana beta!*

**Ayahanda Mahsuri:** *Ampun tengku. Boleh patik tahu apakah kesalahan puteri patik terhadap tengku?*

**Raja Muda:** *Kesalahan anak tuan hamba sebenarnya dia telah mencuri!*

**Ayahanda Mahsuri:** *Ampun tengku. Puteri patik tidak pernah mencuri.*

**Raja Muda:** *Sabar, bawa bertenang. Sebenarnya dia telah mencuri hati beta dan laksamana beta.*

**(Teater Lagenda Mahsuri, 2017)**

Tambahan pula setiap tutur kata seorang raja perlulah diselitkan ketegasan supaya tidak mudah ditindas oleh rakyat. Raja yang tegas dan berwibawa akan melahirkan rakyat yang berjaya dan harmoni. Di dalam teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah) pengarah menunjukkan bahawa hubungan yang terjalin antara kerabat diraja dengan keluarga Mahsuri adalah sangat baik. Sebagai contoh ketika Raja ingin meminang Mahsuri, keluarga Mahsuri melayan kerabat diraja dengan baik sekali dan kerabat diraja juga melayan keluarga Mahsuri dengan baik.



**Gambar 29:** Babak Teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah)

#### **4.4.2 Sudut Pandangan Luaran**

##### **4.4.2.1 Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang**

Berdasarkan sudut pandangan dalaman dapat dilihat bahawa ianya adalah berdasarkan daripada pandangan pengarah. Hal ini berlawanan dengan sudut pandangan luaran iaitu berdasarkan kritikan penonton. Di dalam teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang pengarah memfokuskan kepada intonasi suara yang digunakan oleh Puteri Gunung Ledang. Pengarah ingin menunjukkan bahawa sifat peribadi puteri adalah bersuara lembut dan tidak terlalu tegas. Hal ini membuatkan penonton berfikir bahawa seorang puteri itu mempunyai darjat yang tinggi sehinggakan suara puteri tersebut terlalu lunak dan lembut. Melalui intonasi suara juga dapat disimpulkan bahawa seorang puteri itu juga mempunyai budi pekerti yang tinggi sehinggakan ramai jejaka yang ingin berkahwin dengan seorang puteri.

Penonton juga dapat menilai bahawa Puteri Gunung Ledang merupakan seorang puteri yang sentiasa berpegang pada janji. Kisah percintaan Puteri Gunung Ledang dengan Hang Tuah masih lagi menjadi buah mulut masyarakat setempat sehingga kini. Hal ini kerana kisah percintaan mereka mempunyai banyak konflik walaupun pada permulaannya mereka kelihatan bahagia sehingga sanggup berjanji sumpah setia untuk sehidup semati bersama.

##### **4.4.2.2 Kampung Semarah Padi UMK Bachok**

Seterusnya adalah teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok yang menonjolkan hubungan sesama tenaga produksi. Pengarah menunjukkan bahawa kerjasama baik yang terhasil daripada barisan pelakon adalah kerana mereka dapat mengenal isi hati masing-masing. Hal ini menjadikan penonton dapat melihat bahawa barisan pelakon membawa watak dengan baik dan setiap mesej yang ingin disampaikan mudah difahami. Kerjasama yang baik antara tenaga produksi dengan



barisan pelakon akan menjadikan persembahan teater tersebut berjalan dengan lancar dan tiada konflik yang akan timbul.

Tambahan pula barisan pelakon adalah pelajar Universiti Malaysia Kelantan dan merupakan rakan sekelas maka persembahan teater mudah untuk dijalankan tanpa mengganggu mana-mana pihak. Oleh kerana mereka semua merupakan rakan sekelas maka mereka dapat mengenali hati budi antara satu sama lain. Hal ini menjadikan pemilihan watak dalam teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok menjadi mudah dan tiada banyak masalah yang timbul.

#### **4.4.2.3 Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah)**

Akhir sekali adalah teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah) yang menggunakan kritikan yang sama iaitu penggunaan intonasi suara. Pengarah menekankan watak Raja Muda kerana beliau menggunakan intonasi suara tegas untuk menunjukkan sifat peribadi seorang raja. Walaupun beliau menggunakan intonasi suara yang tegas tetapi sebenarnya beliau mempunyai niat yang baik dan untuk mencerikan hati para penonton. Pada babak tersebut Raja Muda telah mewujudkan situasi yang tegang antara para penonton kerana beliau memberitahu kedua ibu bapa Mahsuri bahawa Mahsuri telah melakukan kesalahan yang besar. Hal ini membuatkan penonton berasa terkejut kerana apa yang ditonton tidak seperti yang diharapkan. Penonton berharap supaya Raja Muda menyatakan hasratnya terus tetapi Raja Muda bermain dengan emosi penonton dahulu sebelum menyatakan hasratnya.

Sebaik sahaja Raja Muda berkata itu semua hanyalah gurauan semata, penonton mulai bersuara dan berasa lega. Penonton juga sempat bergelak ketawa sedikit bersama barisan pelakon untuk mencerikan suasana di dalam tempat pementasan teater itu dijalankan. Para penonton juga memberikan respon yang baik apabila babak yang lucu ataupun sedih muncul. Hal ini membuatkan pementasan

teater itu berjalan dengan lancar dan seterusnya dapat memuaskan hati semua pihak tanpa pelbagai masalah.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5 PENUTUP

Ketiga-tiga persembahan teater ini dipilih adalah kerana pengkaji ingin memaparkan tema, watak dan perwatakan, latar dan juga sudut pandangan yang diperlukan untuk mewujudkan persembahan teater yang baik. Elemen sastera yang ditonjolkan merupakan elemen yang penting supaya pengarah tidak mengabaikan perkara tersebut. Teori Strukturalisme digunakan adalah untuk menunjukkan bahawa elemen sastera perlu wujud dalam mana-mana karya sama ada karya bertulis mahupun karya yang bersifat lakonan. Berdasarkan persembahan teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang, Kampung Semarah Padi UMK Bachok dan Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpah) dapat dilihat bahawa pengarah menggunakan elemen sastera dengan baik dan tidak mengabaikan teori Strukturalisme dalam menghasilkan sesebuah pementasan teater.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini merupakan bab yang terakhir di dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan segala dapatan bagi kajian yang telah dijalankan. Dalam bab ini juga akan dikemukakan cadangan untuk membantu pengkaji lain meneruskan kajian ini pada masa hadapan.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Berikut merupakan kajian tentang analisis elemen sastera dalam pementasan teater terpilih melalui penerapan teori Strukturalisme. Sastera ialah seni yang tertinggi. Justeru itu, pementasan teater harus memiliki elemen sasteranya yang tersendiri, seperti yang terdapat dalam beberapa pementasan teater terpilih yang diteliti oleh pengkaji supaya ia memberi manfaat kepada khalayak. Kajian ini berfokuskan kepada empat elemen sastera iaitu tema, watak dan perwatakan, latar dan juga sudut pandangan. Melalui keempat-empat elemen ini dapat disimpulkan bahawa pengarah bagi pementasan teater tersebut sangat teliti dalam penghasilan teater kerana pengkaji mudah untuk menganalisis elemen sastera di dalam pementasan teater. Pemilihan tema teater juga diambil kira supaya pementasan teater tidak kelihatan pelik.

Penggunaan teori Strukturalisme dalam pementasan teater akan menghasilkan teater yang tersusun dan tidak terlalu serabut. Strukturalisme bertujuan untuk memberikan keilmuan kepada analisis dalaman karya sastera berdasarkan pementasan teater. Karya sastera yang banyak mendapat perhatian untuk dianalisis menggunakan teori Strukturalisme adalah berbentuk teks seperti cerpen, cerita rakyat ataupun mitos. Pementasan teater merupakan salah satu karya

sastera yang telah diadaptasi daripada teks untuk dijadikan sebagai tontonan masyarakat. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat lebih tertarik dengan pementasan teater kerana menghiburkan dan mudah untuk difahami.

Rentetan daripada hal tersebut, pengarah dapat mengaplikasikan teori Strukturalisme daripada teks ke dalam pementasan teater yang akan diadakan. Hasil daripada pengaplikasian itu akan memudahkan pengkaji untuk menganalisis elemen sastera menggunakan teori Strukturalisme. Walaupun tidak semua elemen sastera harus diaplikasikan ke dalam pementasan teater tetapi sedikit sebanyak dapat membantu para penonton memahami jalan cerita. Jalan cerita yang baik akan menarik perhatian penonton selain daripada penaja yang terlibat dalam menjayakan pementasan teater. Pengkaji juga mendapati pengarah memahami teori Strukturalime yang akan digunakan ke dalam pementasan teater kerana pengkaji mudah untuk mengkaji elemen sastera dalam pementasan teater terpilih. Teater yang dipilih oleh pengkaji juga memenuhi kriteria yang ingin dikaji iaitu elemen sastera yang wujud di dalam pementasan teater.

### 5.3 CADANGAN

Setelah meneliti dan menganalisis kajian secara terperinci, pengkaji mendapati bahawa kajian ini memberi kesedaran kepada pengarah teater berkenaan kepentingan penggunaan elemen sastera dalam sesebuah pementasan teater yang baik. Pengarah perlu menerapkan teori Strukturalisme dalam pementasan teater supaya dapat menarik lagi minat penonton untuk sering menonton pementasan teater.

Sastera dalam bentuk media seperti pementasan teater adalah untuk menunjukkan bahawa elemen sastera perlu diaplikasikan ke dalam sastera yang berbentuk penulisan. Sekiranya elemen sastera tidak wujud, sangat sukar bahkan mustahil bagi penghasilan sesebuah karya sastera. Elemen sastera merupakan perkara utama yang harus diberi perhatian oleh pengarah ataupun penulis untuk menghasilkan sesebuah karya. Maka, genre kesusasteraan seperti pementasan teater wajar digunakan sebagai model dalam penggunaan elemen sastera seperti tema, watak dan perwatakan, latar serta sudut pandangan. Pementasan teater mudah difahami kerana kandungannya yang bersifat hiburan dan seterusnya lebih menarik perhatian masyarakat.

Sekiranya kita memberi sedikit perhatian terhadap perkembangan dunia hiburan yang berbentuk media di negara ini, kita boleh melihat bahawa kebanyakan pementasan teater tempatan lebih tertumpu kepada tema yang bersifat realistik dan melodramatik. Lakonan yang berbentuk melodramatik lebih sesuai untuk drama sejarah yang menekankan kepada aksi-aksi melankolik dan berlebih-lebihan manakala realistik pula sesuai untuk drama yang bercorak realisme iaitu bersahaja, suasana sehari-hari dan bahasanya juga bahasa sehari-hari (John Casey 1966: 56). Hal ini membuatkan pengarah seringkali mengabaikan penggunaan beberapa elemen sastera dalam pementasan teater kerana bagi mereka untuk menghasilkan pementasan teater hanya perlu fokus kepada bentuk teater sahaja.

Rentetan daripada itu, pengkaji berpendapat bahawa bentuk teater dan elemen sastera perlu diperkenalkan kepada pengarah supaya pementasan teater berjalan dengan lebih lancar. Penonton yang akan menonton pementasan teater juga perlu mengetahui perincian mengenai teater supaya dapat mengetahui serba sedikit tentang pementasan teater tersebut. Sebagai contoh tenaga produksi boleh mengedarkan pamflet yang menerangkan sedikit sinopsis teater tersebut, memperkenalkan watak-watak yang akan dilakonkan serta tema yang menerangkan keseluruhan teater. Hal ini akan membuat penonton mengetahui sedikit sebanyak mengenai teater yang akan ditonton dan seterusnya dapat mempersiapkan emosi ketika pementasan teater dijalankan. Sekiranya penonton tidak mengetahui serba sedikit mengenai teater yang akan ditonton maka mereka tidak dapat menghayati teater tersebut kerana tidak mempersiapkan emosi. Oleh itu pentingnya elemen sastera dalam pementasan teater kerana memerlukan sokongan daripada penonton dan juga tenaga produksi.

Selain itu, pengarah juga perlu memahami teori Strukturalisme supaya pementasan teater yang dijalankan akan dipenuhi dengan elemen sastera. Pemilihan pelakon untuk disesuaikan dengan watak amat penting kerana sekiranya pelakon yang dipilih tidak dapat membawa watak dengan sempurna akan terjadinya kecacatan pada watak tersebut. Perwatakan yang ditonjolkan oleh pelakon juga perlu disesuaikan dengan watak yang dibawa. Sebagai contoh watak utama perlulah mempunyai rupa paras yang lebih menarik berbanding watak sampingan kerana penonton akan memfokuskan kepada watak utama. Pelakon utama juga perlu menjiwai perwatakan watak yang dibawa supaya tidak kelihatan kekok dan pelik. Perwatakan yang menonjol akan memudahkan penonton untuk membezakan watak utama dengan watak sampingan. Oleh yang demikian, pengkaji berharap agar kajian mengenai elemen sastera dalam pementasan teater melalui penerapan teori Strukturalisme ini mampu membantu menambahkan khazanah ilmu khususnya di



Universiti Malaysia Kelantan serta karya berbentuk teater yang dihasilkan berkualiti tinggi serta sarat dengan pelbagai elemen sastera khususnya.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 5.4 PENUTUP

Diharap agar kajian ini mampu memberi manfaat kepada individu mahupun sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembelajaran dan penyelidikan berkaitan berkaitan elemen sastera di dalam persembahan teater melalui penerapan teori Strukturalime secara khasnya. Permasalahan yang ditonjolkan dalam kajian ini tidak hanya tertakluk dalam konteks persembahan teater semata-mata, malahan dalam konteks kesusasteraan yang lain contohnya cerpen dan novel juga turut memaparkan permasalahan sedemikian. Justeru itu, pengkaji berharap semoga kajian ini mampu memberi kesedaran kepada banyak pihak tentang kepentingan penggunaan elemen sastera di dalam pementasan teater dan kemudiannya membawa kepada pengaplikasian teori Strukturalisme di dalam karya sastera amnya. Dunia teater mestilah menjadi sebahagian dari kehidupan budaya kita yang mampu mencerminkan keintelektualan bangsa dan tamadun yang bebas dan merdeka.

## Bibliografi

- Andika Aziz Hussin (2019). *Kepentingan Ilmu Dalam Mengkritik Pementasan Teater. Universiti Sains Malaysia.*
- Annisa Lastari (2017). *Pandangan Dunia Pengarang Dalam Kumpulan Puisi Blues Untuk Bonnie Karya Rendra (Kajian Strukturalisme Ginetik).* SMA Annur Bekasi.
- A. M. Miftah Anshori & Zuhairroh (2019). *Analisis Struktural Cerpen Mata Ahli Karya Kahlil Gibra.* Seminar Nasional Bahasa Arab Mahasiswa.
- Clarice Gallus & Low Kok On (2016). *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema.* Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Dian Pitaloka Priasmoro et al. (2016). *Analisis Faktor-Faktor Keluarga Yang Berhubungan Dengan Perilaku Agresif Pada Remaja Di Kota Malang (Dengan Pendekatan Teori Struktural Fungsional Keluarga).* Universitas Brawijaya.
- Fadlil Munawwar Manshur (2019). *Kajian Teori Formalisme dan Strukturalisme.* Universitas Gadjah Mada.
- Fazilah Husin (2007). *Teater Eksperimental Melayu: Satu Kajian Bentuk Dan Struktur Teks Dramatic.* Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Awang A.R. (2019). *Strukturalisme: Satu Tinjauan Dari Segi Teori Dan Aplikasi.* Universiti Malaya.
- Isa Anshori (2019). *Analisis Kritis Terhadap Anatomi Teori Strukturalisme Claude Levi-Strauss (Larangan Incest dalam Sistem Pernikahan dan Kekerabatan, serta Relevansinya dengan Pendidikan Islam.* Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Indonesia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakshmi a/p Permal & Mohd Kipli bin Abdul Rahman (2020). *Aplikasi Teknik Teater Kreatif Dalam Meningkatkan Kesedaran Kognitif Murid-Murid Berkeperluan Khas (MBK).* Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lexy J. Moleong (2019). *Metodologi Penelitian Kualitatif.* Lembaga Pendidikan Sukarno Pressindo Kota Semarang.

- Matnoh et al. (2019). *Simbolisme Watak Dan Perwatakan Berdasarkan Konteks Sosio-Budaya Masyarakat Malaysia Dalam Filem Ola Bola (2016)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Fadzeli Jaafar (2021). *Sudut Pandangan dalam Cereka Melayu* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Amir Mohd Zahari et al. (2019). *Kaedah Teater Membaca Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Genre (Drama)*. Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Amir Mohd Zahari et al. (2020). *Kewajaran Penggunaan Produksi Teater Dalam Pembelajaran Genre Drama Melalui Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif*. Universiti Malaysia Sabah.
- Nur Metasari et al. (2013). *Analisis Struktural Cerita Dalam Syair Siti Zubaidah*. Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, FKIP Untan, Pontianak.
- Purnomo, Vikhi Swi (2020). *Pandangan Dunia Shahad al-Rawi Dalam Novel Sa'ah Baghdad Analisis Teori Strukturalisme Genetik*. Iain Salatiga.
- Ratih Sapdiani et al. (2018). *Analisis Struktural dan Nilai Moral Dalam Cerpen 'Kembang Gunung Kapur' Karya Hasta Indriyana*. Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia.
- Srikandi Saemah Samaon (2020). *Perwatakan Dalam Novel Komsas 'Di Sebalik Dinar': Analisis Teori Relevan*. Universiti Malaysia Sarawak.

#### Rujukan Internet

- Abu Naim Kassin & Zulkifli Salim (2013). Watak dan Perwatakan Dalam Cereka. Diperolehi daripada <https://mimbarkata.blogspot.com/2013/03/watak-dan-perwatakan-dalam-cereka.html>
- Adzikra Ibrahim (2020). Pengertian Tema dan Jenis-Jenis Tema. Diperolehi daripada <https://pengertiandefinisi.com/pengertian-tema-dan-jenis-jenis-tema/>
- Cikgu Tan CL (2010). Sudut Pandangan Dalam Penceritaan. Diperolehi daripada <http://cikgutanc1.blogspot.com/2010/01/sudut-pandangan-dalam-penceritaan.html>

- Dichos Y Refranes (2020). Maksud Strukturalisme (Apakah Itu Konsep Dan Definisi). Diperolehi daripada <https://ms.encyclopedia-titanica.com/significado-de-estructuralismo>
- Istana Budaya (Penerbit), & Zahim Albakri (Pengarah) (2020). Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang. Diperolehi daripada [https://www.youtube.com/watch?v=Nd1pDhh8P\\_0](https://www.youtube.com/watch?v=Nd1pDhh8P_0)
- Kelab Teater Pusaka (Penerbit), & Fazli Jasni (Pengarah) (2020). Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok. Diperolehi daripada <https://www.youtube.com/watch?v=CvMIZzxVIU>
- Panitia Bahasa Melayu (2009). Aspek-Aspek Sastera. Diperolehi daripada [http://mbsskl.edu.my/panitia\\_bm/files/2009/02/aspek-sastera.pdf](http://mbsskl.edu.my/panitia_bm/files/2009/02/aspek-sastera.pdf)
- Rashidah Awang (2015). Apa Itu Kajian Kualitatif. Diperolehi daripada <https://www.slideshare.net/rashidahawang3/apa-itu-kajian-kualitatif>
- UiTM di Hatiku (2020). Perbezaan Antara Kajian Kuantitatif Dan Kualitatif. Diperolehi daripada <https://madeinuitm.com/perbezaan-antara-kajian-kuantitatif-dan-kualitatif/>
- Unit Teater & Drama Kolej Cempaka (Penerbit), & Fazil Alias (Pengarah) (2017). Teater Legenda Mahsuri (Aku Bersumpah). Diperolehi daripada [https://www.youtube.com/watch?v=rP\\_FCKw6Py4](https://www.youtube.com/watch?v=rP_FCKw6Py4)